

HARON YUSOF

THE
DADA
SERANGU

SERANGU





SERANG HENDAP

楊貴廷珍藏
Koleksi Yang Quee Yee



YANG QUEE YEE
~~45 YUK TONG AVE.~~
~~SINGAPORE 21~~

PENERBITAN PUSTAKA MUDA

29, Hale Street,
I P O H.

Cetakan Pertama 1966
Hak Pengarang dan Penerbit
Terpelihara.

播青報珍集
Koleksi Yang Qian Zhi

Di-cetak Oleh:-

RAAYAT TRADING CO., LTD.,
29, Hale Street Ipoh.

HUTAN.

Redup, redup senantiasa. Kadang2 tidak boleh memandang lebeh daripada empat kaki ke-hadapan, terlampau banyak akar2 dan daun2 serta pokok2 menjalar. Parang yang ada di-tangan-nya itu terpaksa di-di-gunakan untok mara tiap2 satu tapak. Tiap2 satu ela ke-hadapan ada-lah menghadapi seksa dan arab.

Mat di-hadapan sekali menebas jalan. Rifle-nya bergantung pada bahu-nya dengan tali sling-nya. Muka-nya basah oleh peloh. Baju-nya basah. Seluar-nya basah oleh peloh dan juga embun. Sudah lama juga dia di-hadapan, dan kemudian-nya mereka berganti2 menjadi penebas jalan.

Hussein sekarang kedua di-belakang Mat. Lepas itu Mahmood, Hassan, Ali, Harun, Corporal Din yang jadi ketua Section, Razak pembawa Bren Gun, Yusof Bren kedua dan Johari yang penghabisan. Kemudian kembali Mat jadi penebas dan Pemandu jalan.

Masing2 mara ke-hadapan mengikut jejak langkah Mat itu. Mereka ada-lah satu section daripada suatu platoon yang telah di-hantarkan ke-sana untok membuat penyiasatan. Platoon itu kemudian bertempat di-sebuah pondok yang telah di-tinggalkan oleh penebang kayu hutan. Section itu telah di-beri perintah pergi meronda dan pagi lagi mereka bertolak daripada tempat mereka dan nanti petang mereka balek.

Muka tiap2 mereka berminyak2 untok menjauhkan nyamok yang berjuta banyak-nya di-hutan itu. Dengungan nyamuk2 kedengaran di-teliga masing2.

Tetapi mereka mesti ke-hadapan. Sekarang hari sudah hampir petang dan mereka terpaksa kembali menuju ke-tempat khemah mereka, setelah tidak jumpa apa2. mereka bergerak pulang, lima batu lebeh mereka berjalan meredah hutan, seharian2 dan mereka sudah tidak berdaya lagi. Menebas, menebas, akhir-nya mereka telah tersesat menchari jalan mereka datang tadi untuk kembali ke-pengkalan-nya.

Mat memandang2 kapada Corporal Din kalau2 dia akan memberi perintah untuk menggantikan dia dengan orang lain menebas jalan itu. Corporal Din diam sahaja. Mat terus menebas sambil menyumpah. Tiba2 terang di-hadapan. Mat mengembus nafas panjang. Mereka telah terjumpa jalan mereka datang pagi tadi. Dia memandang ke-belakang.

"Kita ikut jalan ini sahaja." Kata Mat, Corporal Din datang setelah semua orang dalam section itu berhenti. "Tidak jauh lagi." Kata Corporal Din.

Mereka sampai balek ke-dalam khemah mereka pada pukul enam petang. Setelah memeriksa kalau ada apa2 yang kurang, Corporal Din memberi perintah menyuruh membuang peluru. Setelah peluru di-keluarkan daripada rifle masing2, mereka di-beri perintah berpechah, masing2 ke-tempat-nya. Corporal Din pergi mendapatkan Sergeant Yazid untuk memberi laporan.

Tidak ada apa2 yang di-laporkan. Semua-nya baik saja tidak berjumpa tanda2 musuh.

Mat meletakkan rifle-nya pada tempat biasanya, yang mudah boleh di-chapai rifle itu, jika ada apa2 kemungkinan. Jika terjadi apa2 dan rifle itu entah ke-mana, boleh jadi nyawa hilang. Dia menanggalkan topi hutan-nya. Topi itu basah dan berbau. Sudah lama

mereka dalam hutan ini. Dia menanggalkan baju-nya pula. Di-sidaikan-nya. Lepas itu dia menanggalkan kasut hutan-nya. Lima ekor pachat lekat pada betis-nya. Dengan ubat yang sedia itu, Mat membunuh pachat2 itu lalu di-tanggalkan-nya daripada daging-nya lepas itu dia mengambil tuala lalu pergi ke-sungai yang berhampiran di-situ. Pada masa itu maseh boleh lagi mandi, tetapi sekejap lagi tidak boleh, mesti dudok dalam khemah.

Mat pergi berjumpa Razak. Mereka tidak berchakap, cuma menganguk di-antara satu sama lain. Mat mandi chepat. Lepas itu dia balek ke-khemah. Dia memakai seluar dan baju yang lagi satu itu, sementara baju dan seluar yang tadi basah oleh peloh tidak di-basoh. Hussein yang giliran-nya untok memasak nasi talah siap memasak nasi. Lauk ikan sardine sabaja.

Mereka makan, Mat, Hussein dan Razak. Lepas itu mereka makan chocolate cocoa yang ada dalam tin chatuan mereka. Lepas itu Mat berbaring berbantalkan kitbag-nya. Mereka tidak berchakap, mana boleh berchakap. Masing2 dengan fikiran-nya.

Bunyi hutan pada waktu senja kedengaran. Riang2 berbunyi. Mat teringat kata nenek-nya semasa dia kechil2 dulu, nenek-nya meninggal semasa umor-nya sebelas tahun, jika riang2 itu berbunyi begitu kuat, tanda kampong itu akan di-tinggalkan. Bunyi benda2 lain2 pun kuat saperti satu orchestra bunyi-nya.

Malam datang menjelang. Mat memandang kapada rifle-nya. Dia menchapai rifle-nya. Selagi rifle itu di-tangan, rasa sedap sedikit. Kalau hendak kena tembak, atau tidak, kalau hendak mati, mati juga. Tetapi dengan rifle di-tangan perasaan berani itu ada.

Memandang keliling dalam hutan itu, Mat sedar mengapa nenek moyang-nya dulu begitu takut akan hutan, mengapa mereka mesti meminta tabek dulu pada penunggu sebelum masuk hutan, mengapa mereka menyembelih kambing dulu sebelum menebang pokok kayu balak. Sambil memandang keliling-nya, Mat terasa hutan itu macham suatu makhluk yang hidup, makhluk buas memandang kelakuan mereka dan menanti2 untok menelan mereka. Mat merentapkan fikiran-nya daripada perasaan takut ini.

Mat tidak termimpi bila dia masuk ashkar dulu, bahawa penghidupan-nya akan begini jadi-nya. Tidak termimpi langsung. Dia ingat lagi bila sa-orang kawan-nya mengajak dia pergi ke-bandar kerana ada orang hendak mengambil ashkar baharu.

"Buat apa aku masuk ashkar?" Mat berkata.

"Kau di-sini-pun buat apa? Kerja-pun tidak ada. Dudok di-kedai kopi berbual2 dari pagi hingga petang. Tidak ada wang, minta kepada emak-kau. Musim durian tunggu durian masak. Tidak guna. Mari kita tengok nasib kita. Masuk ashkar dan mengembara." Kawan-nya berkata.

Mereka pergi. Mereka bersama2 minta jadi ashkar. Pegawai yang memeriksa menguji mata mereka. Mat ingat lagi. Dia lulus. Tetapi kawan-nya tidak dapat mengenal di-antara merah dan puteh. Dia buta warna. Dia tidak di-ambil. Mat mendapati diri-nya masuk lorry ashkar lalu pergi dari situ. Kawan-nya tinggal.

"Beritahu emak-ku." Dia berkata kepada kawan-nya.

Begitu sahaja.

Kemudian dia telah masuk ke-dalam apa yang di-katakan nuraka bagi segala ashkar2. latchesan sebagai recruit. Bangun pagi, Morning parade, Drill, Latchesan senjata, Drill, Cross country, Berjalan jauh, Menembak, Latchesan perang. Kasut mesti berkilat, Baju dan seluar mesti chuchi dan Kebersihan badan Mesti di-jaga terpaksa menelan semua pelajaran ini mahu atau tidak. Enam bulan lepas itu, daripada sa-orang budak kampung tidak berkasut memakai sarung, bermalam di-pondok menunggu buah durian, Mat menjelma menjadi sa-orang ashkar yang chekap menggunakan senjata rifle dan bren gun dan segala2-nya dan tahu akan undang2 ashkar. Dia berseih dan jalan-nya tegap. Mula2-nya Mat tidak tersangka boleh hidup sampai habis masa recruit itu. Sekarang dia terseyum bila mengingatkan diri-nya sebagai recruit itu.

Burong Kuang berbunyi sayup2. Mat memandang keliling-nya. Razak telah tidur. Hussein juga sudah baring. Dia memandang ka-atas. Langit penuh dengan bintang2. Bulan setengah sahaja.

Dalam masa itu Mat teringat masa dia balek ke-kampung pertama kali selepas lulus latchesan recruit-nya dulu. Wang ada dalam saku-nya. Dia berpakaian kemas. Jalan-nya-pun penuh dengan keperchayaan pada diri-nya. Ibu dan kakak-nya menyambut-nya dengan gembira. Dia ada membawa buah tangan untuk mereka. Setelah makan, ibu-nya membawa dia ka-anjong. Ibu-nya memberi tahu kepada-nya bahawa kakak-nya telah di-pinang oleh tuan punyi kedai baharu di-kampung-nya itu. Dia telah bersetuju.

"Kalau emak dan kakak sendiri sudah bersetuju, saya-pun bersetuju-lah." Mat berkata.

Istiadat perkahwinan itu di-adakan masa Mat maseh berada di-kampung. Mat sebok mengelolakan semua-nya. Bapa saudara-nya menolong pada hari kahwin itu, Mat sebok di-bawah, melibatkan hidangan.

Di-masa itu dia memikirkan bakal suami kakak-nya itu. Orang-nya lebeh kurang tiga puluh lima tahun umur-nya. Pada kali pertama Mat bertemu dengan-nya semasa dia ke-kedai membeli barang², dia bermuka² dengan Mat. Abdullah nama—nya. Tetapi dengan serta merta, Mat tidak suka akan dia. Dia tidak tahu mengapa. Tetapi dia berasa tidak suka akan Abdullah. Tetapi di-diamkan-nya sahaja.

Pada masa pengantin sedang hendak bersanding, Mat telah ternampak sa-orang perempuan berumur, sedang berjalan dengan sa-orang anak kechil datang menuju ke-rumah-nya. Mat tidak pernah melihat perempuan itu.

"Boleh saya tumpang bertanya?" Perempuan itu bertanya.

"Boleh." Mat berkata.

"Saya ini dari kampung, saya hendak ke-kedai suami saya.

"Siapa dia?"

"Che' Abdullah. Dia baharu datang berkedai di-sini."

Mat terperanjat besar. Dia choba mentente-ramkan fikiran-nya.

"Ini anak Che' Abdullah?" Dia berkata sambil memandang kepada anak kechil itu.

"Ya ini yang kechil-nya, ada tujuh beradek semua-nya." Perempuan itu berkata.

"Kedai Che' Abdullah agak jauh juga di—sebalek sana." Mat menunjukkan arah-nya.

"Terima kaseh." Perempuan itu berkata.

Dia pergi.

Mat termenong duduk memikirkan perkara itu. Buruk sungguh nasib kakak-nya. Dia ternampak bapa saudara-nya. Dengan perlahan2 dia menerangkan apa yang telah terjadi.

"Aku sudah terasa. Aku sudah terasa. Ini-lah akibat-nya jika dari mula menerima dengan tidak memereksa dulu." Dia berkata.

Mat diam. Bapa saudara-nya tiba2 bangkit. "Aku pergi sekejap sahaja." Dia pergi menuju ke-kedai Abdullah.

Entah apa di-buat-nya di-sana, Mat tidak tahu. Tetapi perempuan itu tidak kelihatan besok-nya. Selamat-lah ibu dan kakak-nya dari malu. Untuk sementara. Dua tiga hari selepas itu dia kembali berkerja. Dia tidak berchakap-pun dengan Abdullah. Dia berasa lebeh baik dia tidak berchakap sahaja dengan-nya.

Dia tidak mendengar khabar apa2 tentang kakak-nya. Bahkan dia tidak menerima surat dari kampung. Maklum-lah ibu-nya tidak tahu menulis. Bila dia kembali ke-kampung setelah enam bulan bertugas dia mendapati kedai Abdullah itu orang lain pula menjual di-sana. Bila dia balek ke-rumah, dia mendapati rumah itu lengang sahaja macham ada orang meninggal. Kakak-nya sedang memasak. Ibu-nya di-ladang di-be-lakang rumah. Dia turun pergi kepada ibu-nya.

Dia tidak mahu mengigatkan itu semua-nya. Tetapi bagaimana dia melupakan. Ibu-nya menangis melihat dia datang. Dengan teragak2 ibu-nya menerangkan kepada-nya. Tidak berapa terang. Tetapi dia mendapat tahu bahawa isteri tua Abdullah datang lagi. Dia datang dengan abang-nya. Dan ada pergaduhan juga. Abdullah telah pulang ka-kampung-nya. Kedai-nya telah di-jualkan-nya kepada orang lain. Hingga sekarang tidak ada berita-pun. Mat diam.

Mat tidak sedikit-pun menyebut perkara itu lagi. Dan juga ibu dan kakak-nya. Mat juga mendapat tahu bahawa kakak-nya sudah berbadan dua, juga ibu-nya telah menggadaikan kebun getah tua yang lima ekar itu kepada Chetti untuk mendapatkan wang hendak mengahwinkan kakak-nya dulu.

Mat balek berkerja bila chuti-nya habis. Dia berjanji akan menghantarkan kepada ibu-nya wang sedikit sebanyak tiap2 bulan. Ibu-nya menangis bila dia pergi.

Hari sudah agak larut malam, bukan giliran dia berjaga malam itu. Dia choba hendak tidur. Tetapi begitu sejok. Mat teringat lagi masa dia tidor di-rumah berbantal, bertilam dan berselimut. Bukan rumah-nya di-kampung. Tetapi di-rumah Timah pelayan itu. Ah panas dan sedap.

Sebelum dari itu, dia bukan tidak tertarek akan perempuan. Tetapi belum lagi dia memandangkan mereka sebagai perempuan2 betul. Umor-nya baharu meningkat sembilan belas tahun. Dia suka memandang perempuan kerana rambut panjang, baju warna warni dan sifat lemah lembut mereka begitu berbeza daripada laki2. Mereka itu chantek. Tetapi apabila dia telah

mula masuk ke-dalam hutan dan merasa diri-nya dalam bahaya, fikiran-nya berkenaan perempuan mula bertukar. Dia mula memandang perempuan dan memikir2kan dalam kepala-nya bagaimana rupa mereka nanti, jika mereka tidak memakai pakaian langsung, Mata-nya tertarek kepada ponggong2 yang bulat, susu2 yang menonjol baju dan lenggang lenggok perempuan berjalan.

Pada suatu hari Mat telah pergi membantu bersama2 dalam satu platoon pasukan yang kena serang hendap. Dia sendiri menolong membawa usong sa-orang ashkar yang mati kena tembak. Peluru2 menembus dada dan kepala-nya. Mat merasa mauk dekat dengan-nya. Bila dia pergi meronda bersama2 section-nya selepas itu, dia senantiasa teringat akan ashkar yang mati itu. Dan dia tahu bukan mustahil bagi-nya mendapat nasib yang sama.

Dia telah lama juga dalam section-nya yang ada sekarang ini. Dan kawan rapat-nya Hussein dan Razak. Hussein tubuh-nya kecil. Tetapi dia cergas dan cherdek. Kadang2 Kawan2 memanggil-nya Sang Kanchil. Mereka bertiga sangat rapat.

Mat dulu-nya tidak suka sangat berchampur dengan sesiapa-pun. Dia kerap kali menuntun wayang ashkar di situ sahaja lepas itu, dia membeli majallah dan buku2. Di-bacha-nya. Sesekali2 dia minum di-canteen ashkar itu. Itu sahaja. Kemudian dia telah bersama Hussein dan Razak bila tidur dalam khemah masa meronda begini.

Apabila mereka balek daripada meronda dimana telah terjadi tembak menembak walau-pun tidak saorang-pun yang cedera atau mati, Mat telah keluar ka-Kota bersama2 Hussein dan Razak. Mula2 mereka

pergi ke-tempat Joget Modern. Razak dan Hussein telah menari dengan puteri2 Joget itu. Setelah beberapa kali di-ajak, Mat juga turut menari dengan puteri Joget itu.

Mat mabok melihat puteri joget itu terseyum2 menari di-badapan-nya. Dia melenggok ke-kiri, puteri itu melenggok ke-kiri. Dia melenggok ke-kanan, puteri itu melenggok ke-kanan. Mata-nya lekat kepada susu perempuan itu yang menanjul2 baju-nya. Dua tiga kali dia menari dengan puteri itu.

Razak terseyum melihat lagak-nya.

"Siapa nama-nya?" Mat bertanya.

"Yang mana?" Razak berkata.

"Yang menari sama aku itu-lah, siapa lagi?"
Mat berkata.

"Hendon."

"Hendon, wah begitu sedap nama-nya" sesuai dengan orang-nya."

Razak tersenyum. Mat hendak membeli lagi kopon2 menari.

"Kita mahu pergi sekarang." Hussein berkata kepada-nya.

"Ke-mana?"

"Kalau kau ikut, ikut. Kalau tidak kaut inggal sahaja di-sini. Nanti kami datang balek." Razak berkata.

"Aku mahu ikut. Mana boleh aku di-sini, kau di-sini. Kita bersahabat, bukan?"

Mereka bertiga pergi.

"Kalau kau ikut, apa kami buat kau mesti buat" Hussein berkata kepada Mat.

"Apa kau buat, aku akan buat." Mat berkata.

Mereka berjalan kaki. Mereka sedang memakai uniform ashkar. Jam pukul sembilan malam. Mereka berpatah masuk ke-tempat yang agak sunyi. Mereka pergi ke-dalam sebuah rumah. Hussein mengetok. Rumah itu di-buka oleh sa-orang perempuan tua. Mereka masuk ke-rumah itu. Mereka dudok di-atas kerusi yang ada di-situ.

"Kau ada bawa orang baru ke-sini." Perempuan tua itu berkata.

"Ya ini Mat." Hussein berkata.

Mat mengangguk.

"Kau semua ini baharu keluar hutan?" Perempuan itu bertanya.

"Ya." Razak berkata.

Mereka diam selepas itu. Tidak banyak berchakap. Masing2 membuat sa-suatu untok membuang masa. Mat melihat keliling rumah itu. Macham rumah Melayu biasa. Tidak lama lepas itu pintu di-bukakan oleh perempuan tua kerana ada orang di-luar hendak masuk. Mat memandang ke-hala pintu.

Tiga orang perempuan muda masuk. Pakaian mereka ketat2 dan lebeh menunjukkan tuboh mereka daripada menyurokkan. Muka mereka penoh dengan alat solek, bedak dan ginchu. Mereka datang ke-hala Mat dan kawan2-nya. Ke-adaan selepas itu Mat tidak berapa ingat. Dia ashek memandang kapada salah sa-orang perempuan itu, ia tahu dari orang tua itu Leha nama-nya dan amat chantek.

"Kau ingat Mat. Apa yang kami buat. kau mesti buat." Hussein berkata kapada-nya sambil ketawa.

Mat tidak menjawab. Dia sudah memang lama berfikir perhubungan di-antara laki2 perempuan dan dia ingin mengetahui dan merasa. Tidak ada peluang. Sekarang peluang mengepong dia. Mana-lah dia mahu menolak. Dia menyerah sahaja.

Mat mendapati diri-nya bersama2 Leha dalam sebuah bilek. Leha telah mengunchikan pintu. Mat dudok di-atas katil yang ada di-situ. Dia memandang kepada Leha. Lebeh kurang dua puluh lima tahun umur-nya. Ayer wangi-nya masuk ke-hidong Mat. Amat memberahikan.

“Panas sungguh malam ini.” Leha berkata sambil mengipas2-kan diri-nya dengan sebuah majalah yang ada di-situ. Mata-nya melihat mata Mat yang sedang memandang diri-nya. Dia mengikut mata Mat dan dia terseyum. Mat sedang memandang susu-nya yang menunjukkan baju-nya. Dia tertawa.

“Namakau siapa?” Dia bertanya.

“Mat. Mat memandang kepada-nya. Dan dia membukakan mata-nya sambil memandang macham hendak menelan Leha.

Leha sedang menanggalkan baju-nya. Mat tidak pernah melihat sa-orang perempuan menanggalkan baju-nya melainkan masa dia kechil2 dulu. Mata-nya tertarek kepada perbuatan Leha itu. Baju itu di-buka dan Mat dapat memandang bahagian hadapan, dada Leha. Kulit-nya putih. Choli-nya hitam menutup susu-nya. Tangan dan bahu-nya putih. Daging pada tangan dekat bahu Leha menarek perhatian-nya. Leha melipatkan baju-nya dan meletakkan-nya ke-atas meja yang ada di-situ. Dia membelakangkan diri-nya kepada Mat. Kanching choli-nya menggigit daging-nya. Putih kulit belakang-nya. Leha sedar Mat memandang akan dia

"Aku tengok kau pandang aku ini macham kuching memandang panggang ikan sahaja." Leha berkata.

Mat macham tidak mendengar kata-nya kerana dia sekarang sedang membukakan tali pinggang-nya. Mata Mat terbeliak.

"Kau tidak hendak menanggalkan pakaian mui?" Leha bertanya.

Mat baharu terdengar kata-nya. Dia menanggalkan baju-nya. Dia meletakkan songkok-nya di atas meja. Baju-nya di-letakkan-nya pada sandaran kerusi itu. Dia membukakan kasut-nya. Semua-nya di letakkan-nya bersusun. Dia sudah terlateh untok menyusunkan segala2-nya daripada masa latehan-nya dulu. Dia membelakangkan diri-nya pada Leha semasa dia menanggalkan pakaian-nya. Tiba2 dia merasa orang datang memelok-nya dari belakang. Dia berpaling.

Leha memelok-nya. Leha sekarang memakai chuma choli dan seluar dalam-nya sahaja. Mata Mat menjalar di-segenap tubuh Leha. Dia pernah melihat perempuan kechil telanjang bogel. Tidak menarek kapada-nya. Tetapi perempuan ini, Leha, menarek perhatian-nya, tubuh-nya yang separoh bogel itu ada sesuatu daya penarek yang kuat. Segala perhatian-nya sekarang tertumpu kapada tubuh Leha, — tidak lain melainkan tubuh Leha.

Mat berpaling kapada Leha. Tangan-nya memelok Leha. Dia menchium pipi Leha yang gebu itu. Bau Leha berchampur dengan ayer wangi dan asap rokok memabokkan perasaan-nya, menaikkan nafsu-nya. Tangan-nya meraba2 rambut Leha. Dia menchium rambut Leha. Berbau minyak rambut dan bau rambut sediakala.

Tangan Leha menjalar2 di-segala tubuh Mat. Sekejap lagi, tangan itu terkena pada sebelah hadapan seluar Mat. Leha buat2 terkejut terpegang senjata Mat yang menunjul seluar-nya itu. Dia ketawa perlahan2.

Leha menjatohkan diri-nya di-atas katil itu. "Seluar-kau nanti berkedut2." Dia berkata kepada Mat.

Mat menanggalkan seluar lalu meletakkannya dengan cermat di-atas meja. Dia berasa malu juga hendak menunjukkan bahagian hadapan tubuh-nya kepada Leha itu. Tetapi Leha menarek dia berbaring di-atas katil itu. Tangan Leha menjalar2 di-segala tubuh-nya, memichit, menggosok dan menekan. Tangannya pula memegang susu Leha. Mat meraba2 di-belakang Leha untok menanggalkan kanching choli-nya. Leha sendiri menanggalkan choli-nya. Tangan Mat memegang susu sebelah kanan Leha dengan tangannya. Mata Leha bertemu dengan mata-nya.

Mat melepaskan susu itu lalu menjajah pula tangan-nya ke-perut Leha. Tangan berhenti sekejap di-pusat Leha. Jari-nya menchuit2 lobang pusat itu. Lepas itu tangan itu menjalar ke-bawah lagi. Tangan masuk menjalar dalam seluar dalam Leha.

"Nanti dulu." Leha berkata. Dia sendiri menanggalkan seluar dalam-nya. "Nanti kau koyakkan." Dia berkata lagi sambil membuang seluar ke-atas meja.

Mat pula sudah menanggalkan seluar dalam-nya. Dia membuka tangan-nya untok memelok Leha. Leha masuk ke-dalam tangan-nya. Kulit-nya panas bergesel dengan kulit Mat. Mat menchium pipi-nya. Sekejap lagi mulut mereka bertemu. Leha sekarang mengajar Mat apa yang mesti di-buat-nya. Mat mengikut. Leha memandu-nya. Mat naik ke-atas-nya dan

mereka bersatu. Nafas Mat sesak2. Sekejap sahaja dia melayarkan bahtera-nya, dia telah terhempas2 terhampar. Leha bergerak dan Mat telah bangkit dari atas-nya. Mat sekarang hilang semua perasaan tertarek akan Leha. Dia tidak mahu memandangi muka Leha pun. Muka yang baharu sekejap tadi pada-nya begitu chantek memberahikan sekarang nampak hodoh dan ketara terlampau berbedak.

Leha memakai pakaian-nya semula. Mat juga memakai pakaian-nya. Mereka diam tidak berkata apa2. Mat keluar dulu dari bilek itu. Dia terpaksa menanti Razak dan Hussein. Lama juga. Mereka balek lepas itu.

"Bagaimana kau?" Hussein bertanya.

"Ini pertama kali-nya bagi aku. Bagus-lah." Mat berkata.

Dia tidak mahu berchakap panjang.

Ini jauh lebih bagus-nya daripada berbaring di-atas tanah dan berbumbungkan kain khemah ini. Mat berfikir di-dalam hati-nya. Tetapi dengan Timah pelayan itu, lagi baik, berbeza seperti pondok dan istana. Timah tahu mengambil hati-nya dan Timah chintakan dia. Dia beroleh lalu tidur sambil teringat akan Timah.

Suboh2-nya dia sudah terjaga kerana orchestra hutan itu memulakan music lain apabila hari hendak siang. Burung berbunyi bersambut2an, lotong memanggil di-antara satu sama lain. Selalu mereka berjumpa kawan lotong ini dalam hutan. Bising bunyi mereka. Lotong2 itu pula nampak akan mereka lalu mengikut mereka dengan mata-nya. Macham mereka mahu tahu apa yang mereka buat di-situ. Mereka memikul senapang, ya. Tetapi lotong2 itu tahu bahawa senapang2 itu bukan untuk menembak mereka. Macham mereka tahu.

Mat bangun. Dia menggerakkan Hussein dan Razak. Mereka duduk di-tempat masing2 memegang senapang. Razak memegang bren gun-nya. Mereka sudah tahu apa yang mesti di-buat jika serangan terjadi pada waktu pagi, Pada masa ini mereka berjaga2 kalau ada musuh menyerang. Corporal Din melihat dari tempat-nya akan mereka bertiga itu. Lepas itu, dia berpaling kepada orang2-nya di-khemah yang lagi satu. Tiga khemah satu section.

Sekejap lagi, Sergeant Yazid datang. Dia memanggil Corporal Din supaya mengikut-nya. Corporal Din mengikut. Sepatut-nya ada seorang pegawai dalam satu platoon ini. Tetapi oleh kerana Sergeant Yazid seorang yang sudah berpengalaman dalam hal muslihat perang dalam hutan, dia telah di-tugaskan mengetuakan platoon ini.

Sambil dia melihat Corporal Din pergi itu, dia teringat akan masa dia sa-orang recruit dulu. Corporal Din telah menjadi Corporal dalam platoon tiga dalam Kompeni-nya. Mat dalam platoon dua. Dia ingat semua-nya.

Tiap2 kompeni ada bangunan-nya sendiri. Dan tiap2 bangunan itu ada dua tempat di-mana terletak-nya timba2 merah berisi ayer. Timba2 merah berisi ayer ini lima setempat. Guna-nya jika ada api, ayer di-dalam timba itu-lah untuk memadamkan api itu semasa kechil lagi. Jadi senantiasa-lah timba itu mesti berisi. Ayer dan bangunan tempat recruit2 itu tinggal, terletak pula di-atas bukit. Jadi pada waktu pagi atau petang, siapa yang datang lambat untuk mandi, tidak akan ada ayer lagi. Kerana ayer itu dalam kolah dan jika kolah itu habis ayer-nya, dan ayer dari pipe amat sedikit. Selalu juga mereka yang hendak mandi tidak berayer, dan membasoh muka dengan ayer dari dalam timba merah tadi. Bila dapat ayer, timba2 itu di-isikan balek.

Pada suatu hari, Orderly Officer, ia-itu pegawai yang bertugas menjaga semua batalion itu telah melawat bangunan di-situ dan mendapati timba2 merah itu tidak berayer. Masa itu petang. Dia telah marahkan Orderly Sergeant pada masa itu dalam kompeni itu. Dia telah mengatakan dia hendak menulis dalam buku chatitan akan perkara itu, kerana jika ada kebakaran, sudah tentu susah. Orderly Sergeant itu ia-lah Corporal Din. Dan Corporal Din ini kaki ampu. Amat-lah marah dia apabila Orderly Officer itu telah pergi. Semua ini terjadi dalam bilek pejabat. Tidak siapa-pun tahu. Tetapi Corporal Din terintai2 dari tempat-nya siapa yang hendak pergi mengambil ayer dari timba merah itu.

Masa itu petang. Mat baharu balek daripada kerja yang di-tugaskan kapada-nya. Dia hendak mandi. Tidak ada ayer. Sebagai lazim-nya yang di-buat oleh semua recruit2 itu, dia pergi membasoh muka-nya daripada ayer dalam timba merah itu. Dia amat leteh kerana dia telah di-tugaskan kerja berat tadi. Badan-nya berpeloh. Dia mengesatkan diri-nya dengan tuala dan selepas itu muka-nya.

Dia tidak sedar apa2. Tiba2, dia merasa diri-nya kena pukul dari belakang. Dia berpaling lalu menumbuk balek siapa sahaja yang memukul-nya itu. Dia bertindak dengan tidak berfikir lagi. Tiba2 dia terdiri di-situ saperti terpaku. Corporal Din yang di-tumbuk-nya, jatuh rebah di-situ. Corporal itu bangun lalu mara kapada-nya. Bila Mat melihat Corporal itu begitu, dia berdiri diam sahaja.

"Saya tidak tahu, Corporal. Maafkan saya." Dia berkata.

"Kau gunakan ayer itu dan kemudian kau tumbuk aku." Corporal itu berkata. Mata-nya merah "Chelaka, anak jahanam."

‘Saya tidak tahu, Saya tidak tahu.’ Mat berkata.

Corporal itu memegang tuala-nya lalu menarek dia mara. Lepas itu, penumbok dan tamparan Corporal itu menghujan ke-atas diri-nya semua-nya, dekat perut-nya. Dia jatuh rebah. Mujur juga ada Corporal lain datang menyabarkan Corporal Din itu. Mat bangkit. Perut-nya senak. Dia memandang kepada Corporal Din,

“Tidak patut Corporal buat saya begitu. Tidak patut.”

Corporal Din diam. Dia terasa dia agak terlampau tadi. Tetapi apa yang hendak dikatakan-nya. Di-mata Mat, dia terpandang suatu ke-benchian yang mendalam dan menyala2.

Dari masa itu, mereka berdua sentiasa menjauhkan diri satu sama lain. Mereka tidak berchakap atau bertengkar. Kalau boleh mereka tidak mahu sampai kena bersama. Jika Mat kena masuk bawah perintah Corporal itu, dia mengikut perintah Corporal itu dengan tidak memberi peluang kepada Corporal itu menchari salah pada diri nya dan Corporal itu pula tidak hendak membuat apa2 kepada Mat. Saolah2 ada sefahman untok menjauhkan diri di-antara satu sama lain. Tetapi Mat benchi akan Corporal itu dan Corporal itu tahu bahawa Mat benchikan-nya.

Satelah lulus, Mat telah di-hantar untok bertugas dalam hutan. Mula2-nya dia bertugas di-Pahang. Lepas itu, dia di-hantarkan tempat lain dan dia berjumpa dengan Corporal Din sebagai Corporal-nya sendiri. Masing2 terkejut juga. Tetapi masing2 diam.

Mat tidak menyebutkan hal dia dengan Corporal itu kepada sesiapa-pun, dan Corporal Din pula

membuat macham dulu juga. Tetapi maseh ada perasaan benchi itu. Bagi Corporal Din dulu-nya dia menyesal akan perbuatannya. Tetapi kerana dia di-benchi, dia benchi pula akan orang yang membenchikannya. Dua orang sama2 benchi membenchi.

Corporal Din datang lalu memberi tahu semua orang2 yang dalam section-nya bahawa mereka akan balek ke-tempat mereka di-bandar pagi itu. Dia menyuruh mereka semua menanggalkan khemah2 masing2 dan bersiap untok balek. Semua mereka diam sahaja. Tetapi nyata-lah mereka amat gembira dengan berita ini.

Walau begitu-pun mereka terpaksa berjalan dalam hutan sejauh enam batu ke-jalan raya. Di-sana kereta lorry akan membawa mereka balek. Petang itu baharu mereka tiba ke-tempat mereka.

Selepas mandi manda, masing2 dudok berehat, Mat berbaring di-atas katil-nya. Malam ini Din berchadang hendak berjumpa dengan Timah. Ah, begitu lama juga dia tidak berjumpa Timah. Dia rindukan Timah. Dia ingat akan masa dulu2.

Saorang laki2 yang senantiasa menghadap maut, amat mementingkan perhubungan dengan perempuan kalau dapat berchakap2-pun chukop—lah. Ini mungkin kerana manusia itu jika berasa hendak maut mesti menchoba meninggalkan baka. Dan untok meninggalkan baka, dia mesti rapat kapada perempuan dan mungkin kahwin. Ini suatu daya untok kekal hidup tidak lain. Dan Mat sangat memerlukan perhubungan dengan wanita, dan ia berchita2 memoleh bakal isteri-nya.

Setelah perhubungan-nya dengan Leha dulu Mat amat bersusah hati. Dia sedar bahawa banyak sahabat2-nya yang mendapat penyakit setelah pergi

kapada perempuan begitu. Dan dia bukan main takut kalau2 dapat penyakit begitu. Dan khabar-nya anak2-nya nanti akan buta, atau tidak bertangan atau berkaki. Dia menyesal pergi kapada Leha itu. Kesedapan yang di-dapat-nya hilang oleh kerana risau-nya kerana mendapat penyakit itu. Khabar-nya ada juga mereka yang lompong hidong nya kerana penyakit itu. Banyak malam juga Mat tidak dapat tidur lena.

Tetapi nafsu-nya lebeh kuat daripada takut-nya. Dan ia teringat bagaimana ia telah mula berkenalan dengan Fatimah dahulu.

Dia pergi ke-tempat Joget Modern. Dia berdiri melihat puteri2 Joget itu menari. Dia tidak berasa hendak menari malam itu. Lagi pula dia melihat banyak orang berebut2 hendak menari. Dia teringat bahawa awal bulan dan mereka semua baharu mendapat gaji.

Mat pergi bersiar2 di-sekeliling taman hiburan sambil melihat2 kedai2 di-situ. Dia terpandang akan sa-orang perempuan. Rupa-nya amat chantek. Mata-nya bersinar dalam cahaya lampu elektrik di-situ. Rambut-nya keriting panjang hingga ke-bahu-nya. Pakaian ketat-nya menunjukkan potongan badan-nya yang amat menarek itu, potongan gitar. Muka-nya manja. Dia tersenyum terpandangkan Mat. Puteh gigi-nya bersusun rapi. Mat kagum melihat kechantekekan-nya. "Bukan perempuan biasa ini" Kata hati Mat.

Tiba2, perempuan itu berubah muka-nya menjadi chemas. Dia menepi hendak lari dari sesuatu. Mat memandang ke-belakang arah yang di-pandang oleh perempuan itu. Ada saorang laki2 berbadan sederhana sedang berlari menuju kapada perempuan itu. Perempuan itu choba lari di-dalam rumpun2 bunga yang ada di-situ tetapi tidak sempat kerana laki2 itu telah menangkap-nya.

Perempuan itu moronta2 hendak lepas. Dia menggigit laki2 itu. Tetapi laki2 itu telah naik birang lalu memukul-nya.

Dengan tidak berfikir dua kali lagi. Mat menerkam laki2 itu lalu menumbuk-nya dari belakang. Laki2 itu berpaling memandangi Mat. Dia choba juga hendak melawan. Tetapi Mat menghujankan penumbuknya kepada laki2 itu. Laki2 itu berundur lalu lari hilang di-dalam gelap itu.

Tempat mereka agak jauh juga daripada orang2 banyak. Jadi tidak ada sesiapa-pun melihat peristiwa itu kerana tidak lama chuma dalam dua tiga minit sahaja. Mat berpaling kepada perempuan itu.

Perempuan itu nampak maseh takut lagi.

"Mari ikut aku. Dia itu lari menchari kawan2-nya. Nanti kau di-pukul-nya."

Dan siapa nama kau perempuan itu bertanya. Nama saya Mat, mari lekas, kita pergi. Mat tidak berfikir lagi. Dia mengikut perempuan itu lari. Mereka tidak lari, tetapi mereka berjalan dengan amat pantas masuk kedalam gelap itu.

Lama juga mereka berjalan mengikut lorong2 gelap, tidak berani mengikut jalan terang. Akhir-nya mereka sampai kepada kawasan yang biasa-nya tempat tinggal orang2 berpangkat besar atau kaya2 sahaja. Perempuan itu membawa Mat masuk ka-chelah2 salah sebuah rumah yang besar di-situ. Mereka terus ke-belakang rumah orang2 gaji di-situ.

Perempuan itu mengetok perlahan2 di-pintu rumah itu. Pintu itu di-buka oleh seorang perempuan separuh umur. Dia terpandang akan perempuan muda itu lalu berkata.

"Ah kau Timah. Masuk-lah." Kata-nya kemudian. Dia terpandang akan Mat. "Ini siapa?"

"Ini — ini kawan saya." Timah berkata. Mat nama-nya.

"Masuk-lah." Perempuan tua itu berkata kepada Mat.

Mat masuk. "Ini Mak saudara saya" Timah berkata kepada Mat sambil turut masuk selepas Mat.

Mat duduk di-atas pangkin yang ada dalam bilek itu. Ada satu bilek sahaja. Bilek dapur amat kecil. Itu sahaja. Mat menoleh keliling bilek itu.

"Dia datang lagi tadi, nak tarek Timah bawa pergi. Timah lawan. Di-tumbok-nya Timah." Timah menunjukkan lebam? pada bahu-nya. "Mujur-lah dia datang menolong." Timah memandang kepada Mat.

Perempuan tua itu memandang kepada Mat. Kemudian dia berkata. "Apa kau buat lagi berkerja di-sana? Kalau kau berkerja juga sudah tentu dia datang menganchau. Lebih baik-lah kau chari kerja di-tempat lain."

"Mana-lah saya boleh dapat kerja tempat lain." Timah berkata.

"Kalau tidak, balek ke-kampung sahaja." Perempuan tua itu berkata.

"Nama balek ke-kampung tidak dapat saya lakukan." Timah berkata. "Tidak akan mahu mereka menerima saya balek."

"Kalau aku pergi bersama-mu? Perempuan tua itu berkata. "Entah-lah!. Jawab Timah sambil bangun dan pergi ke-dapur untok menjerangkan ayer.

"Kau ini orang mana?" Perempuan tua itu bertanya Mat.

"Saya orang kampung juga." Jawab Mat.

"Susah orang2 muda sekarang. Bermacham2 hal mereka." Perempuan itu berkata.

Perempuan tua itu merungut2. Dia mengoyah2 tembakau. Mat duduk diam sahaja. Dia terfikir juga bagaimana dia boleh sampai ke-tempat ini dan berchampur tangan dengan hal perempuan muda ini. Tidak lama selepas itu, Timah masuk membawa dua chawan kopi. Mereka minum. Mereka minum di-atas lantai sahaja. Sementara itu, perempuan tua itu menggantungkan kelambu. Dia bersiap hendak tidur.

Mat bangkit hendak pergi.

"Nanti-lah dulu." Timah berkata. "Kau telah menolong aku. Dan aku mahu cheritakan pada kau mengapa sehingga aku kena pukul tadi. Dengar baik2."

Timah mencheritakan bahawa dia telah berkahwin dengan seorang pemuda kampung-nya yang telah datang ke-bandar untok berkerja. Dalam bandar, suaminya telah mengurongkan dia dalam rumah. Dia amat chemburu akan Timah kerana kata-nya. Timah amat chantek dan mungkin kerana dia sendiri telah hidup dengan begitu bergaya sehingga dia tahu apa yang terjadi kepada perempuan chantek yang tidak menjaga diri-nya. Tetapi walau-pun dia chemburu akan Timah, dia sendiri ada membuat perhubungan dengan seorang janda. Mula2 Timah tidak tahu. Tetapi setelah dia sendiri berchampur dengan perempuan2 jiran-nya, dia mendengar desus desas cherita suami-nya dulu gilakan sa-orang janda muda. Mula2 dia diam sahaja. Tidak diperdulikan oleh-nya kerana suami-nya amat kasehkan dia. Suami-nya senantiasa di-rumah. Tetapi setelah beberapa bulan berkahwin, ada pergeselan dua tiga kali di-antara mereka. Selepas setiap kali perselisihan, suami-nya buat perangai liar. Dia balek lambat. Tetapi apabila berbaik balek, dia jinak pula dan senantiasa balek ke-rumah pula. Dan begitu-lah hal-nya.

Tetapi pada suatu hari, suami-nya telah kembali dengan amat birang sahaja rupa-nya. Dia telah bergaduh di-tempat kerja-nya. Ini Timah tahu ke—mudian. Tetapi pada masa itu, Timah juga sedang letih. Entah macham mana terjadi suatu pergaduhan besar. Suami-nya pergi keluar balek. Dia tidak balek malam itu. Nasi yang dalam hidang tinggal tidak bermakan. Timah menanti² sehingga ayam berkokok, dia tidak juga balek. Akhir-nya Timah tertidur.

Pada kaesokan hari-nya, Timah bangun dari tidur saorang diri sahaja. Suami-nya tidak ada di-sisi-nya. Tudung saji hidang itu sudah terbalek dan ikan goreng sudah tidak ada lagi. Di-makan kucbing. Sambil mengemaskan hidang itu, Timah terasa bahawa ini-lah pertama kali-nya, suami-nya tidak balek malam. Dia teringat akan janda muda dulu. Hati-nya mengelegak.

Petang itu, suami-nya balek, dengan tidak menanti apa², Timah telah bertanya kepada-nya, di-mana dia bermalam semalam. Suami-nya diam. Timah berkata lagi bahawa dia mahu tahu di-mana suami-nya bermalam semalam. Bila suami-nya diam, Timah menerbitkan perkara janda muda itu. Suami-nya marah.

“Itu bukan perkara yang kau mesti ambil tahu.” Dia berkata.

“Mana boleh Jadi saya mesti memekakkan telinga saya.”

“Itu kau punya fasal. Kalau aku mahu buat apa yang aku suka, aku buat. Asalkan aku memberi kau chukop belanja.”

Timah merasa terhina suami-nya berkata begitu. Dia diam sahaja. Suami-nya meneruskan per—buatan-nya. Timah pula mengambil tindakan balas tidak

mahu memberi suami-nya menyentoh dia. Ini mem-
buatkan suami-nya birang. Apabila di-tolak begitu, dia
memaksakan diri ke-atas Timah, sekali dua, lepas itu
Timah meradang. Timah melawan dia. Timah menen-
dang-nya dengan kaki-nya. Suami-nya pula membalas
lalu menendang dan menampar-nya. Akhir-nya, dia sudah
tidak segan silu lagi menampar dan menerajang Timah.

Suami-nya pula sekarang sudah memulakan
perhubungan-nya dengan janda muda itu. Sekali Timah
bersua dengan janda muda itu. Chantek orang-nya.
Hati Timah panas. Dia mula hendak membela diri-
nya.

Ada seorang pemuda yang tinggal di-situ yang
baik dengan Timah. Dia-lah yang di-suruh oleh Timah
mengikuti suami-nya dan memberi tabu bila dan berapa
kali dia pergi ka rumah janda itu. Setelah tidak tahan
lagi, Timah bergaduh dengan suami-nya sehingga dia
di-balau oleh suami-nya. Dia hendak balek ka-kampung,
malu. Jadi dia terpaksa berkerja sebagai seorang pelayan
di-kedai tempat yang di-jumpai Mat itu.

Dia dengar janda itu telah di-bawa oleh suami-
nya ke-rumah. Barangkali dan sudah kahwin dengan
janda itu. Tetapi pada suatu hari, suami-nya itu telah
datang ke-kedai tempat dia berkerja itu dan menudoh
dia membuat bermacam2 perkara jahat. Pemuda kawan-
nya datang dan menjadi pertengkaran yang hebat. Akhir-
nya mereka bertumbok. Suami-nya itu lari.

Dua tiga hari selepas itu, pemuda itu lari
dan khubar-nya kerana di-ugut oleh suami-nya yang
mempunyai banyak kawan2 samseng. Timah selama-nya
tinggal di-rumah mak saudara-nya.

Dia dengar pula, khabar2 angin bahawa janda muda itu telah mengikut orang lain. Kerana itu-lah suami-nya hendak berbalek dengan-nya. Tetapi dia tidak mahu. Dan malam tadi, seperti yang Mat sendiri mengetahui-nya, suami-nya choba mengheret-nya dengan kekerasan. Bagitu-lah cerita Timah.

Mat tidak tahu sama ada hendak perchaya atau tidak akan cerita Timah itu, tetapi Timah begitu chantek dalam cahaya dari satu bulb bilek itu, dan dia melangut kepada Mat. Mat tidak tahu apa yang hendak di-katakan-nya.

Perempuan tua itu sudah mendengkur tidur.

Mat perlahan2 meletakkan tangan-nya ke-atas tangan Timah. Timah memandang muka-nya. Dia tidak menarek tangan-nya itu. Mat lagi berani lalu merapatkan badan-nya kepada badan Timah. Timah mengikut sahaja apabila Mat menarek tubuh-nya rapat kepada-nya.

Mat menchium pipi-nya dan selepas itu menguchop mulut-nya. Timah menyerah sahaja. Bahkan dia pula memelok Mat. Tetapi bila Mat choba meletakkan tangan-nya ke-peha Timah, dia menolak tangan-nya.

"Nanti mak saudara-ku jaga." Dia berbisek.

Mat menarek tangan-nya balek. Tetapi selepas itu mereka berpelok berchium sapuas2 hati.

Mat terpandang jam di-tangan-nya. Tiba masa untok balek. Dia bangun. Timah memandang dia. Bila Mat keluar, Timah mengikut-nya.

Dalam gelap di-luar itu, mereka berchium lagi

"Kalau kau hendak jumpa aku, datang-lah ke-kedai aku bekerja pada waktu pagi. Aku ada di-sana." Kata Timah.

"Tetapi bukan sekarang. Aku mesti masuk hutan. Bila aku keluar, nanti aku akan datang.

Timah memichit tangan-nya.

Dia pergi balek tergesa2.

Tiga kali dia pergi berjumpa Timah selepas itu. Dan daripada perjumpaan-nya dengan Timah itu, dia dapat mengetahui dengan lebeh lanjut lagi ke-adaan Timah. Dan mereka berdua telah pergi ke-bilek kawan Timah.

Ah, Timah begitu lemah lembut orang-nya. Dia tidak mengerti mengapa suami Timah meninggalkan Timah kerana janda itu. Dan merasai diri-nya jatuh cinta akan janda muda dan Timah ini. Kerana dia sa-orang janda ia ingin memiliki-nya. Begitu-lah bisikkan hati Mat saorang diri.

Jika kita lihat sasaorang itu, kita selalu hendak menduga sama ada dia baik atau jahat. Tetapi apabila kita sudah mengenal dia dari dekat, kita mula insaf akan factor2 yang menyebabkan terjadi demikian. Dan kita mesti bersimpati kepada-nya.

Begitu pula-lah hal-nya dengan Timah. Makin kita kenal dia, makin mendalam kasehan kita kepada-nya.

Mat tersentak dari fikiran-nya itu apabila dia merasa diri-nya di-tepok orang pada bahu-nya.

"Kita keluar malam ini sama2 Mat!" Hussein berkata.

Razak ada bersama2-nya.

"Aku mahu keluar pagi esok. "Aku letih-lah."

"Jawab Mat.

Hussein dan Razak pergi.

Tinggal-lah Mat saorang diri bersama2 khayalan-nya.

T I M A H.

Mat pergi ke-kantén ashkar di-situ lalu minum, Selepas itu dia bersiar2 di-kawasan tempat ashkar itu. Apabila pukul sepuluh, dia bersiap untuk tidur.

Sambil mendengar bunyi terumpet sayup membunyikan lagu "last post", Mat teringat akan hal dirinya. Dua tiga kali dia mengikut Hussein dan Razak, Mereka pergi berjumpa perempuan2 mereka dulu—nya. Mat di-bawa mereka meminum arak. Apakala di-minum, kita merasa sedap. Kita merasa diri kita seperti raja. Tetapi ada kala-nya apabila perasaan mabok itu melampau sehingga kita muntah2, masa itu perasaan kita sudah bertukar pula. Dan esok-nya, bila hendak jaga kita merasa sangat letih dan lesu.

Pergi kepada perempuan seperti dulu, lebih kurang begitu-lah. Bila nafsu sedang meningkat dan ke-hausan itu ada, perempuan mana-pun nampak chantek dan menarek. Masing2 hendak tergesa mendapatkan apa yang perlu. Selepas itu, perempuan itu nampak hodoh dan burok. Tidak mengerti mengapa tertarek kepada perempuan begitu sehingga menchemarkan diri menjamahi dia. Menyesal, menyesalkan diri.

Dan bila teringat akan akibat-nya, datang pula runsing yang amat sangat. Perempuan begini selalu membawa penyakit yang di-kotoki itu. Penyakit yang boleh menjahanamkan keturunan. Perasaan runsing sehingga se-minggu, dua minggu dan se-bulan. Tidak ada apa2 tanda nampak-nya. Hati sedap sedikit. Walau begitu-pun, belum tentu lagi.

Lepas itu datang perasaan kotor pada diri-nya. Kotor kerana telah menchemarkan diri menjamah perempuan begitu, dan berdosa kepada tuhan dan hilang meruah.

Tidak langsung merasa senang. Kita jatuh dari segi fikiran dan juga dari segi perasaan. Dan takut pula.

Sebab itu-lah Mat tidak berapa mahu pergi bersama2 mereka selalu sangat. Dan sebab itu-lah dia tertarek kapada Timah. Timah kapada-nya sangat berbeza daripada perempuan2 yang dia pergi bersama2 dengan Hussein dan Razak itu dulu. Walau-pun ada banyak yang tidak berapa betul dalam cerita Timah kapada-nya, Timah boleh di-katakan perempuan yang agak berseh dan chuchi. Dan dia berasa dia mesti melindungi Timah. Dia seorang yang dalam ke-adaan susah.

Pada suatu pagi dia pergi ke-kedai tempat Timah itu. Timah ada di-situ. Dia mempersilakan Mat ka-dalam salah sebuah bilek kecil yang bermeja di-antara beberapa buah meja yang banyak di-situ. Dia pergi mengambil kopi sechawan untok Mat. Mereka minum dengan tidak berkata2 sepatah-pun.

"Mari kita pergi ke-bilek kawan-ku tidak jauh dari sini". Timah berkata.

Mat mengikut-nya. Mereka pergi masuk salah sebuah bilek di situ. Kawan Timah tidak ada di-situ. Ada sebuah meja dan dua buah kerusi di-situ. Mereka duduk.

Timah berpakaian baju kurong. Dia nampak begitu berbeza daripada perempuan2 yang di-tepi jalan itu. Mat berfikir bahawa Timah akan menjadi seperti mereka juga jika tidak di-selamatkan. Mat memandang diri-nya sebagai bertugas untok menyelamatkan Timah.

"Aku fikir aku mesti pergi ke-tempat lain." Timah berkata.

"Mengapa?"

"Aku takut akan bekas suami aku." Dia berkata. "Dia banyak kawan2-nya."

"Kau jangan kerja."

"Kalau aku tidak kerja bagaimana hendak hidup." Timah bertanya.

"Aku boleh tolong kau." Mat berkata. Dia sudah lama membuat keputusan.

"Ah, bagaimana kau hendak terbabit dengan aku yang menjadi saorang janda ini." Timah berkata.

"Kalau kau sudi menerima pertolongan aku, apa salah-nya." Timah diam sahaja.

"Kau dudok bersama mak saudara-kau untok sementara, nanti aku charikan rumah untok kita berdua." Mat berkata.

"Ah kau saorang yang baik budi." Timah berkata. Dia bangun lalu berdiri dekat tingkap bilek itu.

Mat bangun lalu rapat kapada Timah. "Biar aku jaga kau. Biar aku menjadi hak-kau dan kau hak-ku." Mat berkata.

Tangan Mat memegang bahu Timah. Perasaan-nya amat berbeza dari dulu. Perasaan hendak melindungi Timah begitu kuat dalam hati-nya.

"Erti-nya, kau hendak aku menjadi isteri-mu." Timah berkata dengan tidak menoleh kapada-nya.

"Ya. Ya. Begitu-lah." Mat berkata.

Tiba2 Timah berpaling memusingkan tubuhnya lalu memelok Mat. Mat memelok-nya kembali.

"Tetapi aku belum habis edah lagi." Dia berkata.

"Aku boleh menanti."

Mat menchiium dahi-nya. Dia terasa seluroh tubuh Timah menggeletar rapat kapada tubuh-nya. Tiba2, Timah merentapkan diri-nya daripada Mat lalu berbaring ke-atas katil yang ada di-situ. Mat mengikut-nya lalu dudok di-tepi katil itu. Timah menarek-nya sehingga berbaring bersama2-nya. Timah berbaring sambil memejamkan mata-nya. Mat memandang dia. Begitu chantek. Apa lagi sedang berbaring itu. Mat tidak dapat menahankan diri-nya. Dia menchiium pipi Timah yang mata-nya sedang tertutup itu. Timah tidak membukakan mata-nya atau bergetak-pun. Mat menguchop mulut Timah. Mula2 Timah berdiam sahaja. Tetapi apabila lidah Mat menuntut hendak masuk, Dia membukakan bibir-nya memberi lidah Mat menjelajah ke-dalam mulut-nya.

Tangan-nya menjalar dan meraba2 di-seluroh tubuh Mat. Mat juga membuat demikian. Sekejap lagi, tangan Mat merasa kulit Timah kerana kain-nya telah di-singkap. Timah menyerahkan tubuh-nya untok Mat. Tubuh Timah panas dalam pelokan Mat. Bau tubuh Timah menggilakkan Mat. Timah mengikut segala kehendak-nya. Lemah lembut tubuh-nya. Segala dunia hilang daripada Mat. Yang ada pada-nya Timah, perempuan dalam pelokan-nya dan memelok-nya.

Dalam kepala-nya ayer ombak memukul pantai. Ayer dan dia belayar. Sekejap lagi, dia tersadai di-tepi pantai chinta. Dia dan Timah baring, kulit masing2 bertemu.

Ah Mat herasa begitu sedap. Chinta dengan saorang perempuan macham Timah ini begitu berlain daripada chinta yang di-beli.

Berbeza seperti susu yang lemak manis menyegarkan dengan susu yang sudah basi masam. Mat memelok tubuh Timah dan Timah merapatkan diri-nya pada Mat, kepala-nya berbantalkan tangan Mat. Dia me-
mejamkan mata-nya.

Mat tidak lagi pergi menari dengan perempuan2 joget. Dia tidak mahu lagi pergi keluar dengan Hussein dan Razak. Dia sekarang sudah riang. Dua tiga kali dia pergi berjumpa dengan Timah dan merasai shurga dunia itu. Sekarang Timah sudah tidak kerja lagi. Dia tinggal bersama2 mak saudara-nya. Mat memberikan dia wang. Mula2 dia tidak mahu menerima-nya. Tetapi Mat memberi dengan ikhlas. Dia menerima-nya.

Tidak berapa lama lagi, Mat akan menjadikan Timah itu isteri-nya pada sisi undang2 ugama dan negara. Dia merasa sekarang sudah ada satu erti hidup bagi-nya. Ada saorang yang bergantung kapada-nya. Sambil berfikir begini, Mat tertidur.

Pagi esok Mat berpakaian chukop dia keluar untuk pergi berjumpa dengan Timah. Langkah-nya chergas. Hati-nya senang. Dia bersiul2 lagu yang sedang menjadi kesukaan ramai.

Masa hendak masuk ke-dalam kawasan rumah tempat mak saudara Timah berkerja, Mat terpandang akan sa-orang laki2 muda berdiri di-tepi jalan. Laki2 muda itu memandang kapada-nya. Lepas itu dia tunduk. Mat berjalan terus. Dia masuk ka-dalam kawasan rumah itu.

Dia pergi ke-bilek itu. Timah ada di-sana. Dia membuka pintu. Mat masuk. Timah diam sahaja.

"Hai mengapa kau diam sahaja? Tidak gem-bira-kah kau melihat aku datang?" Mat berkata sambil terseyum.

Dia mengharap Timah akan turut tersenyum. Tetapi Timah tidak turut senyum.

Bahkan dia menyembam muka-nya ke-atas katil dalam bilek itu lalu terus menangis teresak2. Mat terkejut. Dia menepok2 belakang Timah sambil bertanya.

"Mengapa kau begini? Mengapa?"

Timah lagi teresak2 menangis.

Mak saudara-nya datang masuk. Bila dia melihat Mat ada di-situ, dia keluar balek.

Mat memandang kapada Timah. Dia tidak tahu apa yang hendak di-buat-nya. Lama juga begitu.

Akhir-nya, Timah sudah tenang semula.

Dia mengesat2kan mata-nya Mat diam lagi. Dia hendak Timah bertenang betul.

"Apa yang telah terjadi?"

"Aku tidak dapat berkahwin dengan mu." Timah berkata dengan tidak memandang kapada Mat.

"Sebab-nya?" Mat berkata.

"Aku tidak di-cheraikan rupa-nya oleh suami-ku."

"Tidak di-cheraikan? Bagaimana?"

"Dia chuma mengatakan sahaja bahawa dia mencheraikan aku.

Tetapi sebenar-nya tidak. Dan aku pula tidak dapat surat cherai itu." Timah berkata. "Dia, dua hari dulu mengajak aku balek kapada-nya.

Dia telah memberi tahu pada aku akan hal itu. Aku cnggan mengikut-nya.

Dia choba memaksa aku. Tetapi tuan mak saudara-ku telah datang mendengar hingar bangar itu. Suami-ku berundur. Sabelum berundur, dia mengatakan bahawa dia tahu akan perhubungan aku dengan mu dan dia berkata dia akan memukul mu.

Dia ada saudara dalam ashkar juga."

Mat termenung mendengar kata Timah itu.

"Dan aku takut." Timah menyambung.

Mat kelihatan sangat sedeh. Jika Timah tidak di-cheraikan oleh suami-nya, apa—kah yang boleh di-buat-nya.

Dia tidak boleh kahwin dengan Timah.

Dan jika dia terus berhubong dengan Timah, dia boleh di-tuduh memechahkan rumah-tangga orang lain dan mungkin dia di-pukul oleh kawan2 suami Timah. Dan tidak boleh pula dia meninggalkan Timah sekarang ini kerana dia sudah begitu rapat dengan-nya.

Tidak sampai hati-nya.

Timah masuk ke-dalam pelokan-nya. Bahunya basah oleh ayer mata Timah. Dia memelok Timah. Kepala-nya pening memikirkan suatu jalan untok keluar daripada kegentingan ini.

Dia menyuroh Timah bertenang.

Dia mesti balek dulu. Dia hendak menchari jalan.

"Kau tidak akan meninggalkan aku?" Timah berkata. Mahukah kau berjanji

"Tidak.

Aku tidak akan meninggalkan kau." Mat berkata.

Dia keluar.

Timah tidak mengikut-nya.

Di-luar, dia ternampak lagi laki2 muda itu memandang-nya.

Dia berjalan terus. Laki2 itu chuma saorang sahaja.

Hussein dan Razak ada dalam camp.

"Kau ini sudah ada mata ayer, tidak mahu bersama2 kami?" Hussein berkata.

Mat tersenyum sahaja. Dia memaksakan dirinya terseyum.

Lama juga Mat berfikir dalam hati-nya.

Kalau dia saorang diri sahaja tidak akan dapat mengatasi kesusahan-nya sekarang.

Dia mesti ada teman2 yang setia kerana suami Timah ada banyak teman2 samseng. Apabila dalam kesusahan begini, baharu-lah dia menchari2 teman yang boleh di-harapkan tetapi tidak ada.

Kerana dia tidak rajin berchampur. Chuma Hussein dan Razak. Mereka bertiga bersama2 dalam hutan dan bersefahaman bila di-luar. Mereka sahaja yang ada.

Mat mengajak mereka minum.

Setelah minum akan minuman masing2, mereka diam sahaja mendengar lagu daripada radio yang ada di-situ.

"Apa kena kau ini?

Sedeh sahaja nampak-nya?"

"Kau sudah jatuh chinta kepada perempuan-kah? Perempuan mana?" Razak bertanya.

"Aku mahu tanya sekarang kepada kau berdua.' Boleh tolong aku, atau tidak?" Mat berkata.

"Kau dalam kesusahan? Boleh." Razak berkata.

Mat bercherita kepada mereka berdua akan hal-nya dengan Timah.

Mereka berdua mendengar dengan teliti. Razak menghisap rokok-nya.

Asap keluar berkepul2. Apabila Mat habis bercherita, mereka bertiga termenung sekejap.

"Kita boleh mengajak suami Timah itu berunding.

Jika Timah sudah tidak sukakan dia, buat apa dia hendak bersusah begitu.

Bukan bunga sakuntum dalam dunia ini." Hussein berkata.

"Jangan kita chuba membuat apa2 sebelum kita menyelideki dengan chermat.

"Nanti kau di-pukul-nya atau kawan2-nya." Razak berkata.

"Kita-pun bukan tidak ada kawan2," Hussein berkata.

"Kau ini hendak chari jalan gaduh sahaja. Kita choba selesaikan perkara ini dengan rundingan dulu.

Mula2, mari kita jumpa Tok Kadhi.

Tanya fikiran dia." Razak berkata.

Mat bersetuju. Mereka-pun pergi. Tengah jalan pergi ka-rumah Kadhi itu. Mat berfikir akan keadaan kedua sahabat-nya itu.

Mereka tidak mahu membuat apa2 perhubungan dengan perempuan selain daripada pergi ka-rumah Mak Chik mereka.

Dan mereka tidak suka pula membuat perhubungan dengan mana2 gadis yang banyak di-tempat mereka itu.

Bagi mereka, kalau untok berhubungan dengan mana2 gadis tidak-lah susah, kerana kedudukkan mereka sebagai ashkar memang senang, dan mudah mendapatkan-nya.

Tetapi sahabat-nya yang berdua ini dan kawan2-nya yang lain juga, lebeh suka merayau2 di-mana mana yang ada peluang sahaja, tidak payah ber-susah payah, dan membuang masa, chukup dengan wang yang berpatutan, kehendak mereka akan terchapai.

Dan dengan begitu mereka lebeh bebas membuat sesuka hati mereka, dan keseronokan-nya juga, agak-nya chukup memuaskan.

Walaupun begitu ia yakin dan perchaya di-satu masa nanti mereka akan benar2 mendapat pasangan yang di-angan2kan oleh mereka sepanjang hari.

Dan buat waktu ini agak-nya mereka lebeh suka pergi ka-tempat yang tetap menjaui langganan mereka.

Di-sana mereka mendapat apa yang mereka mahu dengan tidak langsung ada apa2 kaitan atau masalah2 yang boleh menyusahkan mereka.

Mereka sendiri berkata bahawa mereka sedar yang mereka selalu masok hutan dan jika ada isteri atau mata ayer, hanya menyulitkan sahaja. Mat terasa apa yang mereka katakan itu betul.

Di-rumah kadhi mereka membentangkan masalah mereka.

Sa-telah mereka membentangkan cerita mereka, kadhi itu diam sekejap berfikir.

"Di-mana perempuan itu sekarang?" Dia bertanya.

"Di-rumah mak saudara-nya." Mat menjawab.

"Jika si-isteri itu sudah tidak suka lagi, mengapa di-choba menahan-nya lagi?"

Kadhi itu berkata.

"Itu-lah yang saya katakan." Razak berkata.

"Saya fikir dia dengki akan isteri-nya itu dan choba menjahanamkan segala chita2 bahagia-nya." Razak berkata.

"Yang boleh kau buat sementara ini, choba hantar orang kepada suami-nya itu dan minta dia cheraikan isteri-nya."

Nampak-nya tidak dapat bantuan yang tertentu daripada kadhi ini.

Dia-pun tidak berdaya memberi bantuan lebeh daripada itu.

Mereka kembali ka-tempat mereka.

"Ini bukan suatu perkara mainan." Hussein berkata.

"Aku fikir bahawa lebeh baik kau lupakan sahaja perempuan itu.

Buat macham kami ini. Atau chari-lah lain? perempuan yang bersclerak di-merata tempat."

Mat diam sahaja.

"Aku bukan mengatakan bahawa kami tidak mahu menolong.

Kalau kau berazam juga hendakkan dia kami bersedia tolong.

Biar-lah sama2 menanggung kerana kita ber-tiga bersahabat."

"Kita tengok-lah dulu ke-adaan-nya." Razak berkata.

Mat diam sahaja. Dia mengangguk. Mereka mesti memerhatikan keadaan dulu.

Di-rumah mak saudara-nya, Timah duduk dalam bilek, sambil memikirkan keadaan diri-nya.

Dia memikirkan pada mula2 suami-nya ber-kahwin dengan dia dulu.

Mereka begitu kaseh mengasehi di-antara satu sama lain.

Tetapi sekarang begitu lebar churang yang ada di-antara mereka.

Kerana janda itu.

Dan mungkin kerana Timah tidak pandai memainkan peranan sebagai isteri.

Jika Timah pandai mengambil hati suami-nya, mungkin dia tidak lagi akan pergi kepada janda itu.

Tetapi manakan tahan hati-nya bila suami-nya keluar setiap malam begitu.

Dan sekarang, Mat pula sudah menchampori penghidupan-nya.

Mat berbedza sungguh dengan suami-nya.

Dia lemah lembut dan tabu mengambil hati-nya.

Tetapi dia mengeloh adakah ini akan kekal apakala mereka sudah berkahwin.

Mungkinkah Mat akan menjadi macham suami-nya?. Tetapi dia yakin Mat akan tidak menjadi seperti suami-nya itu.

Sedang dia berfikir itu, tiba2 kedengaran bunyi orang mengetuk pintu. Dia bangun membukanya. "Siapa tu?"

"Masuk - lah."

Dia berkata.

Mat masuk.

"Bagaimana?" dan apa cherita-nya. Dia bertanya.

Mat dudok di-atas pangkin di-situ. Dia termenong dan menggeling2.

"Bagaimana?" Timah bertanya lagi.

Mat memandang kapada-nya. Dari mata-nya nampak perasaan susah hati.

"Kita tidak dapat membuat apa2 selagi suami mu tidak mahu menjatohkan talak."

"Sekarang dia sudah tahu aku hendak kahwin dengan kau, mati dia tidak mahu menjatohkan talak." Timah berkata.

"Susah kita di-buat-nya sekarang." Mat berkata.

"Aku tidak mahu balek kapada-nya."

"Yang boleh kita buat sekarang, nanti dan lihat apa yang hendak di-buat-nya."

Timah memandang kapada-nya.

"Mak saudara-ku tidak ada di-rumah. Dia pergi melihat adek ipar-nya sakit."

Mat tersentak juga mendengar kata2 itu.

Dia memandang kapada Timah.

Timah sedang memakai kain sarung.

Nampak bayang2 paha-nya apabila dia berjalan dalam cahaya dari tingkap di-belakang-nya.

Baju-nya baju singlet laki2.

Susu-nya ketara menunjul baju itu.

Tangan baju itu tidak ada langsung.

Tangan-nya nampak putih sahaja hingga ke-bahu nya.

Sekali2 Mat ternampak bawah ketiak-nya.

Rambut-nya tidak bersikat.

Chuma di-sanggulkan sahaja.

Dia tidak memakai bedak atau ginchu.

Timah sedar Mat memerhati dan memandang-nya.

Muka-nya merah. Dia malu tersipu2.

Dia tidak tahu apa yang hendak di-buat-nya kerana mata Mat menjalar ka-seluruh tubuh-nya.

Dia tunduk sambil terseyum.

Kemudian dia bangun.

'Duduk dulu, ya.

Biar aku buatkan minuman." Dia berkata.

Timah merasa mata Mat mengikut pergerakan-nya pergi ke-bilek dapur yang kecil itu.

Tiba2 dia terasa mesti menggoyang2kan punggung-nya sambil berjalan itu.

Dia hilang masuk ka-dapur.

Mata Mat lekat pada punggung Timah yang bergoyang2 ke-kiri ke-kanan itu.

Bila Timah berada di-dapor, Mat maseh boleh mendengar dia membuat kerja.

Mat berfikir dalam hati-nya akan kata2 kawan2-nya Hussein dan Razak.

Mereka mengajak dia hidup seperti mereka.
Jangan terikat kepada sesiapa. Merbahaya,
kata mereka.

"Nanti hati-kau patah.

Perempuan membawa bermacam2 soal. Me-
reka cemburu.

Kita cemburu.

Nanti ada orang lain datang.

Kachau sahaja.

Kalau macham kami, lepas mendapat apa
yang kami mahu, kami lupakan sahaja.

Chari yang lain pula.

Yang itu boleh jalan."

Betul juga pendapatan mereka itu.

Tetapi bagi Mat, dia merasa tidak puas
dengan perjumpaan sekali dan terus berpisah.

Di-mana masing2 memuaskan nafsu sahaja
atau mendapatkan wang. Dia mahu lebih daripada
itu.

Dengan perempuan seperti yang di-dapati oleh
kedua kawan2-nya itu, dia merasa meluat selepas
masing2 sudah memuaskan nafsu.

Dia rasa kotor dan menyesal. Macham
minum susu basi.

Dengan Timah, lain sungguh. Dia merasa
segar.

Dia macham hendak memelok Timah selama2-nya dan lebeh pula chinta-nya akan Timah setiap kali mereka bertemu di—atas tempat tidur. Dia berasa kuat. Macham minum susu yang menyegar.

Ah! Timah perempuan yang utama bagi—nya.

Dia mesti mendapatkan Timah bagi diri-nya untok selama2-nya.

Dalam ke-adaan dia rungsing ini; dia merasa diri-nya memelok Timah dan menenangkan fikiran-nya.

Kadang2 kata mereka, jika fikiran kita kusut dan kita sangat susah hati, kita boleh segar balek, jika kita memelok isteri atau kekaseh lalu menchium-nya di-chelah dada, di-ruang susu-nya atau sekurang2-nya bergurau2.

Betul juga agak-nya kata2 mereka itu.

Sekejap lagi Timah keluar membawa satu talam yang ada dua chawan kopi di-atas-nya.

Timah meletakkan chawan kopi itu di-hadapan Mat.

Dia mengetahui pikiran Mat kelam kabut.

Dia tahu bahawa Mat chintakan dia - kalau tidak chinta pun dia tahu Mat mahu mengambil dia sebagai isteri-nya.

Dia tahu bahawa Mat sedang mencari jalan supaya mereka boleh berkahwin.

Dia hendak sangat menunjukkan bahawa dia berterima kasih kepada-nya.

Dia betul2 berterima kasih kepada-nya.

"Jangan fikirkan sangat2 akan perkara ini.

Kita tengok bagaimana. Tentu ada jalan. Nanti-lah sahaja." Timah berkata.

Dia duduk di-sisi Mat. Dia mengunjokkan chawan kopi itu kepada Mat.

Tubuh-nya begitu dekat kepada muka Mat. Mat tercium bau sediakala-nya.

Lebih menarek daripada segala ayer wangi bau-nya.

Di-dalam ke-adaan begini.

Timah nampak macham saorang budak2 sahaja.

Tetapi bila mata Mat ternampak akan tubuh-nya yang sudah matang itu, gambaran budak itu hilang.

Sa-orang perempuan yang penuh segala sifat perempuan duduk bertempoh di-sisi-nya.

"Minum-lah." Suara Timah berkata.

Mereka minum.

Satelah minum; Mat duduk bersandar.

Dia nampak letih.

"Bukakan baju-mu dan berihat-lah

Nanti aku masak nasi." Timah berkata sambil pergi kedapur.

Mat membukakan baju-nya dan lalu duduk bersandar di-atas pangkin.

Mat memejamkan mata-nya. Masa itu sudah larut petang. Ah dia letih. Dia berchat. Dia choba menutupkan mata-nya.

Tetapi dia tidak dapat. Di-sabelah dapur kedengaran bunyi Timah berkerja.

Dia teringat bagaimana ka'adaan kampung-nya yang pada masa itu aman dan tenteram dan penduduk-nya hidup dengan tulong menolong.

Pagi2 hari kalau dia tidak bersekolah dia pergi mengail ikan; dan menimba kolam ikan dengan kawan2nya, betapa gembira-nya ia pada waktu itu apabila hasil kerja-nya mengail dan menimba kolam ikan itu mendapat hasil yang banyak, sahingga ia terlonjak2 kerana kesukaan-nya, apabila banyak mendapat ikan.

Dan kadang2 ia pergi menjala ikan, di-sungai2 yang berhampiran dengan tempat-nya dan menahan bubu, serta menuntang, kerja2 ini, ia adalah mahir kerana itu ada-lah kesukaan-nya.

Di--Sekolah-nya juga ia terkenal sa-orang yang pandai dalam bahagian ilmu alam, dan mendapat kepujian membuat peta2, yang mana murid2 lain ta' dapat membuat seperti yang di-buat-nya itu, tetapi ia maseh ingat ia sangat lemah dalam perkara membuat kira2.

Apabila tiba musim berbandang, masa itu amat-lah menyukakan hati-nya.

Fikiran Mat terlayang2. Dia memikirkan hal-nya dari semenjak kecil-nya dulu.

Dia selalu mengikut bapa-nya pergi ka-bendang. Bapa-nya meletakkan-nya di-atas dangau di-tengah2 bendang itu bersama2 bekal makanan-nya.

Bapa-nya menyuruh-nya menjaga makanan itu dia sendiri pergi membawa tajak lalu menajak.

Sedikit demi sedikit tanah bendang itu di-tajak-nya. Lama2 Mat tidak memandang-nya lagi.

Dia mengalihkan pandangan-nya kepada sa-ekor burung yang terbang di—angkasa sambil berbunyi2.

Sekejap burung itu menjunam ke-bawah menangkap ikan atau apa2, dia tidak tahu. Chantek burung itu.

Kemudian bapa-nya datang membawa sa-ekor ikan sepilai dalam gengaman-nya.

Bapa-nya menchari daun keladi. Di-buboh ikan itu dalam daun itu. Di-taruh-nya ayer dalam daun itu.

Ikan itu sangat kecil tetapi garang.

Di-rumah, bapa-nya menchari botol untok ikan itu.

Lepas itu, dia meletakkan satu chermin berhadapan ikan itu.

Ikan itu bertukar warna-nya menjadi berkilat2. Esang-nya terbuka.

Dia bersedia untok berlaga. Wah Mat bukan main suka.

Dia meletakkan ikan itu dekat tempat tidurnya.

Bapa-nya sayang akan dia.

Mat teringat masa Sekolah. Dia pergi ka-sekolah atap ia-itu sekolah Melayu.

Dia tidak berapa pandai dan tidak juga bodoh. Dia pemalu. Dia hendak semua orang jangan ambil tahu hal-nya.

Dia suka pergi melihat anak2 ikan dalam sungai atau burung terbang.

Dia suka dudok bersaorangan di-kebun-nya dan tidor atau melihat ke-atas langit sambil berfikir. Ah dia tidak hendak banyak dalam dunia ini.

Dia teringat akan Corporal Din. Dia bukan hendak bergaduh dengan Corporal itu.

Tetapi tidak patut dia membuat begitu kapada-nya.

Jika Corporal itu memberi tahu kapada-nya dengan baik2 dia tentu meminta maaf dan sedia menerima hukuman.

Tetapi manusia tidak boleh tundok.

Jika orang melampau2, manusia yang salemah2 nya, pun akan marah dan melawan. Ah dia benchi akan Corporal itu.

Dalam dunia ini, manusia membuat bermacam-macam2 helah dan mustihat.

Mereka menipu antara satu sama lain.

Mereka membunuh antara satu sama lain.

Tetapi bagi Mat, chuma bodoh semua ini, dia tidak mahu kaya atau pangkat. dia chuma mahu tinggal senang dalam rumah-nya.

Ada saorang isteri menjaga pakaian dan makan-nya, Isteri yang manis budi bahasa-nya, Isteri yang kaseh akan dia, isteri yang bertimbang rasa.

Timah sedang berkerja di-dapur. Ah, alangkah bahagia-nya, dan rumah tempat berteduh selepas mengharung taufan penghidupan. Isteri yang menyambut-nya dengan muka yang manis, isteri yang menyediakan segala-nya.

Isteri yang lemah lembut. Ah dia mesti segera balek untok menghadapi taufan penghidupan besok-nya.

Mat lupa akan segala apa yang ada di-luar bilek ini.

Dia chuma tahu bahawa dia ada di-bilek itu, dan Timah saorang perempuan yang chintakan dia - kaiau tidak chinta-pun tetapi mahu dan sanggup menjadi isteri-nya - saorang perempuan yang tahu mengambil hati-nya.

Itu sahaja yang penting. Lain tidak ada.

Timah masuk membawa tempat basoh tangan dan kain safrah.

Dia menyediakan tempat hidang.

Dia terpandang Mat baring di-atas pangkin sambil mata-nya tertutup.

Dia terseyum sambil pergi balek ke-dapur. Sekejap lagi hidangan-pun siap maka Timah, pun membawa-nya.

"Mari makan dulu. Karang nasi ini sejok." Sambil dia bangun.

Mat turut bangun lalu pergi dudok di-tempat makan.

Timah mengisikan nasi kadalam pinggan-nya. Selepas itu, Timah mengunjukkan mangkok basoh tangan-nya.

Dia mula makan.

Mereka tidak ubah macham suami isteri sahaja. Mat tidak makan banyak.

Dia membasohkan tangan-nya balek.

Timah mengangkat balek hidangan itu dan mengemaskan tempat makan itu.

"Ada majallah filem di-situ."

Timah berkata menunjukkan ke-suatu sudut di-atas pangkin itu.

Mat mengambil majallah filem itu lalu membacanya. Dia dudok berehat.

Hati-nya senang. Dia sudah lupa segala perkara yang merunsingkan-nya.

Timah membasoh pinggan mangkok. Sekejap lagi, dia datang balek ke-bilek Mat.

Dia mengeringkan tangan-nya dengan tuala. Dia dudok di-sisi Mat. Tubuh mereka bersentoh.

Timah menyandarkan tubuh-nya kepada tubuh Mat. Dia meletakkan kepala-nya ke-atas bahu Mat.

"Pada satu hari, kita balek ke-kampong. Aku mahu dirikan sebuah pondok.

"Lepas itu aku buat kerja memotong getah dan bertanam padi. Kau menjaga rumah.

"Barangkali kita dapat anak. Kita jaga anak itu sama. Tidak siapa—pun memerintah aku." Mat berkata.

Timah terseyum.

Dia memandang muka Mat. "Kita ini belum tentu lagi boleh kahwin."

"Ah itu soal besok."

"Malam ini aku mahu lupakan sahaja." Mat berkata

Timah merapatkan diri-nya kepada Mat. Mat memelok-nya.

Dia memejamkan mata-nya. Mat menarek muka-nya lalu menchiium pipi-nya.

Timah menyerah sahaja. Mat melekapkan mulut-nya pula ke-mulut Timah.

Timah merenggangkan bibir-nya supaya lidah Mat dapat menjelajah dalam mulut-nya.

Taangan-nya memelok bahu Mat. Lama mereka begitu

Mat membaringkan diri-nya sambil menarek Timah baring bersama-nya di-atas lantai itu.

Masa itu lebeh kurang pukul lapan setengah.

"Nanti aku tutupkan tingkap." Timah berkata.

"Nanti orang datang.

Mengachau kita."

Mat melepaskan dia.

Dia bangun. Mat memandang segala pergerakan-nya. Kain sarung sutera-nya amat nipis.

Terbayang2 peha-nya. Baju singlet-nya agak ketat juga sehingga susu-nya yang bukan kechil itu menonjol saperti dua bukit dalam baju itu.

Sambil dia menutup tingkap, punggung-nya yang bulat itu terang ternampak kapada Mat.

Mat terpaksa memandang segala kechanteakan Timah yang memberahikan itu.

Setelah menutupkan tingkap, Timah berpaling memandang kapada Mat.

"Kadang2 bila kau memandang kapada aku begini, aku berasa takut. Nadi-ku gementar." kata Timah.

"Aku bukan harimau." Mat berkata sambil tersenyum. "Aku bukan mahu makan daging-mu."

Timah diam sahaja. Dia tidak menjawab. Dia berjalan menuju kapada suwis lampu. Mat menangkap pinggang-nya.

Tangan Timah sempat sampai kapada suwis lampu. Lampu-pun padam. Gelap gelita dalam bilek itu. Sekejap lagi, mata masing2 dapat melihat samula satu sama lain dalam gelap itu. Mat mendakap Timah lalu menchium-nya bertubi2.

Timah membalas chium-nya itu. Mereka bergerak setapak2 menuju ka-pengkin bilek itu. Mereka berenggang sambil Timah naik ke-atas pangkin itu diikuti oleh Mat.

Mereka berbaring di-atas pangkin itu. Mat menarek Timah ke-atas-nya. Dia menchiium lagi pipi Timah. Tangan-nya meraba2 sebelah dalam singlet Timah. Dia tersentak apabila di-dapati-nya Timah tidak memakai choli. Dia menarekkan baju singlet ke-atas kepala Timah. Timah meluruskan tangan-nya supaya tertanggal baju itu. Sekarang Timah tidak memakai apa2 di-sebelah atas tubuh-nya. Mat memelok-nya semula. Panas tubuh-nya. Susu Timah menekan dada Mat. Timah memelok Mat, tubuh-nya panas dan lembut.

Tangan Mat meraba2 di-seluroh tubuh-nya. Di-mana2 sahaja tangan-nya pergi, Timah menyerah sahaja. Tangan Mat lemah lembut sahaja. Tubuh Timah macham terbakar oleh panas-nya. Kain sarung Timah sekarang sudah terselak. Dengan suatu pergerakan sahaja, Timah sendiri menanggalkan sarung-nya sehingga dia menjadi telanjang bulat.

Pakaian Mat pula sekarang sudah bersepah di-atas lantai. Mereka mendakap antara satu sama lain. Setelah beberapa lama berpelok2, masing2 sudah siap untuk bersatu. Mereka bersatu perlahan2. Mat melayarkan bahtera-nya di-atas Timah.

Mat lupa akan segala dunia ini. Yang dia ingat chuma dia saorang laki2 dan Timah saorang perempuan. Sekarang mereka menjadi satu. Mat merasa diri-nya naik atas kayangan. Dia merasa kelazatan yang amat sangat sehingga dia hendak menjerit.

Lama juga mereka saperti dua ekor binatang yang bergumpal2. Lepas itu, Mat rebah jatuh di-atas Timah, nafas-nya sesak, badan-nya basah dengan peloh. Peloh-nya merebek jatuh ke-atas tubuh Timah. Tetapi Timah maseh memelok-nya. Sekejap lagi, Mat men-

jatuhkan diri-nya mengiring sehingga berbaring mengiring menghadap Timah yang pula mengiring menghadapi dia. Mereka sama2 berpelok antara satusama lain.

Demikian mereka tidur. Pada waktu suboh, mereka terjaga lalu mereka memulakan lagi permainan chinta mereka. Mereka tidur itu tidak langsung memakai sehelai benang-pun. Selepas permainan chinta itu, Mat tidur balek semula.

Tetapi Timah bangun. Perlahan2 dia melepaskan diri-nya daripada pelokan Mat. Lepas itu dia menchapai kain sarung-nya yang sudah berkedut2 oleh pergum-palan itu lalu memakai-nya. Dia berkemban sahaja. Lepas itu dia menutup badan Mat dengan selimut. Dia-pun pergi ke-bilek mandi. Selepas mandi, dia pergi ke-dapur. Dia menjerang ayer.

Hari sudah dekat hendak siang. Dia pergi hendak menjaga Mat. Tetapi Mat sedar dan dia mendapati Timah sudah tidak ada lagi. Apabila Timah datang, dia menarik Timah sehingga berbaring balek dengan-nya. Lepas itu tangan-nya membuka kain kemban Timah sehingga Timah sudah tidak memakai apa-pun. Timah choba meronta2. Tetapi akhir-nya kain kemban itu terluchut.

Timah choba hendak marah. Tetapi Mat menarek-nya dan memelok dan menchium-nya. Tangan Mat meraba2 segala tempat rahsia tubuh Timah. Timah tidak berdaya lagi. Dia menyerah sekali lagi. Mat naik sekali lagi untuk pergi ke-kayangan.

Lepas itu lama juga mereka berbaring memelok satu sama lain, masing2 tidak langsung memakai sehelai benang-pun. Tuboh Timah puteh sahaja di-sinari cahaya suboh itu. Tubuh Mat hitam sedikit. Kaki mereka berselang. Timah tidur di-atas lengan Mat.

Lambat baharu Mat bangun mandi dan makan pagi yang di-siapkan oleh Timah. Lepas itu dia kembali ke-tempat-nya. Bila dia hendak keluar, Timah menangis. Dia gelak.

"Ah mengapa menangis? Bukan aku tidak akan datang kembali. Nanti kita bersama untok selama2-nya." Mat berkata.

Timah tidak juga mahu diam. "Aku rasa kita tidak akan dapat ber-ahwin. Aku rasa kita tidak akan berjumpa lagi. Sebab itu-lah kita telah begitu seronok malam tadi. Aku rasa kita tidak akan dapat merasa lebeh seronok dari malam tadi."

"Ah kau merepek2 sahaja. Nanti bila kita ada rumah sendiri dan tanah getah sendiri, kau akan tertawa."

Mat menchium dia. Semasa hendak pergi, Mat tersepak pinggan tempat makan-nya. Pinggan itu jatuh lalu pechah. Timah memungut serpehan pinggan itu. Mat pergi.

Di-luar pagar, Mat melihat ke-kiri kanan kalau2 ada orang. Lepas itu dia balek ke-tempat-nya. Pada malam itu dia kena menjadi sentry. Jadi dia tidak ke-mana2. Besok-nya dia telah dapat khabar bahawa platoon-nya akan masuk hutan kerana dapat khabar bahawa pebak pengganas2 ada di-sana.

Mereka pergi ke-tempat di-luar hutan itu menaiki lory. Mereka turun daripada lory lalu masuk ke-dalam hutan. Section pertama di-badapan sekali, section kedua, section ketua platoon, dan lepas itu baharu section ketiga. Mat dalam section ketiga. Mereka dapat berjalan dengan chepat kerana mereka mengikut jalan yang sememang sudah ada.

Pada tengah hari itu, mereka berhenti untuk berehat dan makan. Seperti biasa, Mat menyiapkan makan bersama2 Hussein dan Razak. Pada kali itu, Hussein memasak nasi, Mat menyiapkan lauk. Mat terasa ada mata memandangnya dengan tepat. Dia menoleh. Dia terpandang Corporal Din memandangnya. Bila mata mereka bertemu, Corporal itu memandangi ke-tempat lain. Mat berasa hairan. Tidak pernah dia ingat Corporal itu memandangnya begitu. Mesti ada sesuatu. Dia tidak tahu apa. Hati-nya tidak sedap.

Masa makan, mereka bertiga berchakap2 tentang perkara Mat itu.

Razak merasa tidak sedap. "Aku kata, jika boleh kau elak daripada berkait dengan isteri orang, lebeh baik."

"Kita ini boleh mati bila2 masa sahaja. Mana tahu. Tiap pokok besar yang kita lalui, tiap2 bukit sebelah menyebelah mungkin menyurok seorang musuh yang bakal menghantarkan peluru yang akan menamatkan riwayat kita di-atas muka bumi ini. Tidak kita tahu. Buat macham aku ini. Jika aku mati tidak siapa akan menangis melainkan ibu tuaku. Dia akan menerima wang aku. Kalau ada betina, menyusahkan fikiran sahaja. Bini atau mata ayer.

Mat menggeleng2kan kepala-nya. "Biar—lah apa2-pun terjadi, aku mahu kahwin dengan Timah."

Razak berbisek. "Chakap perlahan2."

Mat berpaling. Dia terpandang akan mata Corporal Din. Corporal Din memandangi ke-tempat lain.

"Aku dengar khabar bahawa suami si Timah itu saudara kapada Corporal Din." Razak berkata.

Darah Mat tersirap mendengar kata Razak itu. Patut—lah Corporal itu memandang kapada—nya begitu gaya. Patut-lah hati berasa tidak sedap. Ada sesuatu. Ini-lah rupa-nya. Dengan tidak di-sangka2 mereka sekarang mesti bertentang. Mat akan berjaga2. Dia hendak tengok apa Corporal itu akan buat.

Mat diam selepas itu. Dia tidak berkata apa2.

Resok-nya section ketiga telah di-tugaskan pergi meronda di-suatu tempat yang dishaki ada penjahat. Mula2-nya Mat di belakang. Selepas beberapa kali berganti orang yang di-hadapan sekali, Mat telah di-perentahkan pergi ke-hadapan. Corporal Din menjadi ketua section itu.

Kerja orang di-hadapan sekali melihat, jika ada apa2 yang luar biasa. Dia-lah yang akan memberi amaran jika ada sesuatu serang hendap. Selalu-nya dia-lah yang mati di-tembak musuh kerana dia di-hadapan sekali dalam hutan itu, musuh boleh nampak yang di-hadapan sekali dulu. Yang lain itu mengikut jarak sepuluh kaki di-antara satu sama lain, lebeh kurang.

Sambil mereka ke-hadapan itu, mereka mendengar bermacam2 bunyi hutan, bunyi burung, bunyi lotong, bunyi riang2 dan bunyi batang pokok bergesel dengan batang pokok lain. Amat dahshat bunyi-nya. Segala bunyi2 ini sudah menjadi ke-biasaan kapada mereka. Jadi tidak-lah mereka berasa takut.

Mereka sudah berjalan agak jauh. Mereka berasa letih. Masa untuk berehat makan tengah hari sudah dekat. Mat sudah menjadi agak tidak chermat. Tetapi dia berasa tidak sedap. Dia berasa ada sesuatu di-hadapan-nya. Bunyi2 hutan itu berhenti. Sunyi senyap sahaja. Bunyi lotong-pun tidak ada.

Ada sesuatu yang memberi amaran kepada Mat. Dia terpancang kelumpok rumput di-hadapan-nya bergerak. Dia tiba2 merebahkan diri-nya sambil berteriak.

“Musoh!”

Lepas itu, rasa pekak-lah telinga-nya. Tembakan daripada senjata automatic terdengar bertubi2. Peluru menghujan ka-arrah mereka. Seketika mereka diam. Tetapi mereka pula membalas tembakan dengan senjata mereka. Mereka tidak nampak musoh itu. Mereka cuma menembak ke-hadapan sahaja. Beratus peluru menghujan ke-hadapan. Selepas itu, diam semula. Masing2 mengisikan balek senapang atau senjata dengan peluru.

Corporal Din menghantar dua orang mara perlahan2 ke-hadapan sambil mereka bersiap untok menembak. Musoh sudah tidak ada. Begini lah gaya nya. Mereka menanti dengan senjata automatic. Selepas menembak dan habis peluru, mereka hilang dalam hutan. Dan mustahil untok mengejar mereka. Kalau orang menyurok empat kaki dari kita pun kita tidak dapat melihat-nya

Lepas itu mereka membilang orang yang ada. Cuma satu orang sahaja yang gugur, Mahmood seorang budak dari Pahang. Kepala-nya di-tembusi peluru. Dia mati di-situ juga. Selain daripada itu, tidak ada sesiapa yang cherdera atau mati.

Corporal Din memerentahkan supaya Sergeant Yazid di—beri tahu. Dia menyuroh tiga orang balek ke-tempat platoon itu mendapatkan bantuan dan meminta supaya helicopter datang membawa mayat itu balek.

Selain daripada itu, mereka tidak berjumpa dengan pengganas lagi. Mereka sudah lari dari situ. Lima hari selepas itu, mereka balek ke-tempat mereka dekat bandar, sementara satu platoon lain datang mengambil tempat mereka.

Mat terus mandi apabila sampai kembali ke-dalam camp. Lepas itu dia memasang badan lalu bersiap untuk pergi ke-tempat Timah. Razak dan Hussein juga bersiap. Mereka juga memasang badan.

Mat tidak boleh lupa akan rupa Mahmood yang kena tembak itu. Kepala-nya berlumoran dengan darah. Peluru itu menembusi hidong-nya terus ke-otak. Lobang di-hidong-nya itu terngaga. Sangat dahshat rupa-nya. Satu ketika dia hidup, berjalan di-belakang Mat. Satu ketika lagi dia telah mati. Yang menjadikan Mat lagi dahshat perasaan dalam hati-nya apabila dia teringat bahawa jika tidak-lah sebab dia mengetahui entah macham mana akan terjadi-nya mereka oleh musuh itu, dan sudah tentu dia juga akan mendapatn asib seperti Mahmoo ditu.

"Kau mahu ikut kami atau kau mahu pergi sendirian?" Hussein berkata.

"Walau bagaimana-pun aku mahu jumpa dia. Aku sudah mengikat janji dengan dia. Bagaimana aku boleh membelakangkan dia dengan begitu sahaja." Mat berkata.

Walsu bagaimana-pun, kami kawan-mu. Dan kalau ada apa2 terjadi, kami akan menolong. Jangan takut." Razak berkata.

Mat keluar bersama2 Hussein dan Razak. Tetapi mereka berpisah apabila Mat menyimpang pergi ke-rumah mak saudara Timah.

Masa itu petang pukul lima.

Mat pergi masuk ke-kawasan rumah tempat mak saudara Timah berkerja. Ada orang dalam bilek itu. Mat terbayang dalam fikiran-nya Timah sedang berkerja dalam bilek itu, memasak, menyikat rambut-nya atau membasoh pinggan. Apa2-lah kerja rumah. Mat teringat kulit Timah yang puteh kuning langsung.

Dia ternampak bentuk badan Timah yang seperti giter, punggung-nya yang bulat, dada-nya yang bidang serta susu yang menonjol membukit dalam baju-nya, muka-nya yang menjemput di-chubit itu. Ah dia geram.

Dia mengetok pintu itu. Sekali dua kali.

"Timah! Timah!"

Ada orang datang dekat pintu itu. Hati Mat berdebar2. Pintu itu di-buka. Mat hendak memanggil nama Timah. Tetapi perkataan itu tersekat dalam mulut-nya.

"Ah - ah Mak Chik!" Dia berkata. "Timah mana?"

"Kau Mat." Mak saudara Timah itu berkata. "Mari-lah masuk."

Mat belum mahu masuk. "Timah mana?" Dia bertanya dengan tidak sabar. Timah tidak ada. Hati-nya tidak sedap.

"Masuk-lah dulu. Nanti aku terangkan." Mak saudara Timah itu berkata sambil membuka pintu lebeh luas.

Mat masuk. Dia melihat keliling bilek itu. Penoh dengan kenangan semua-nya. Dia dan Timah dalam bilek. Dia dan Timah berpelok dengan tidak sebenang-pun menghadangkan tubuh mereka daripada bertemu. Timah dengan kain kembangan-nya. Dia menarek kain kembangan itu sehingga tertanggal. Ah dia misti berjumpa Timah, Timah-nya.

"Aku pergi chari kau di-camp." Mak saudara Timah itu berkata. "Tetapi kata mereka kau masuk hutan."

"Kerana apa? Apa yang telah terjadi?" Mat bertanya tergesa2.

"Aku hendak mula daripada mana-pun aku tidak tahu. Tetapi bertenang dan dengan baik2. Timah itu sudah di—bawa lari".

"Di-bawa lari? Siapa membawa dia lari," Mat bertanya macham mengherdek.

"Suami-nya-lah. Siapa lagi"

"Timah ikut dia."

"Tidak. Timah di-heret masuk kereta. Dia datang berempat dalam sebuah kereta. Timah menjerit2."

"Mengapa tidak panggil mata2."

"Aku tidak tahu apa yang hendak aku buat. Mereka menutup mulut Timah dan kereta itu-pun pergi. Apa aku hendak buat. Timah itu maseh isteri-nya yang sah."

"Siapa mereka itu? Dan ka-mana mereka pergi? Katakan. Aku mesti ikut. Sekarang mereka mahu menggunakan kekerasan. Aku juga mesti menggunakan kekerasan."

"Nanti dulu. Sabar. Aku akan cheritakan perlahan2. Nanti aku buat kopi dulu.

Mat memaksakan diri-nya supaya bertenang. Dia dudok bersandar di-dinding itu. Ya. Dia mesti bertenang dan choba melawan musuh-nya dengan bertenang. Tidak ada apa2 yang lebeh lemah daripada saorang yang birang menerkam musuh-nya. Semua kelemahan terdedah.

Dia mesti bertenang dan menyusun fikiran-nya.

Mak saudara Timah meletakkan sechawan kopi di-hadapan-nya.

Mat bersiap mendengar cherita-nya.

MAUT.

Hujan turun dengan amat lebat-nya. Tiga hari tiga malam sudah hujan begitu. Malam ini agak reda sedikit. Tetapi masih lebat juga. Bunyi hutan lain sudah tidak ada. Chuma bunyi hujan. Tadi bunyi halalintar. Semua binatang sudah masing2 menchari tempat berteduh. Basah semua basah.

Mat dudok di-belakang bren gun yang berisi peluru itu. Magazine-nya terchachak di-atas belakang-nya siap menchurahkan peluru ke-dalam lobang barrel-nya dan menghujankan peluru kepada musuh di-hadapan. Mat memakai baju hujan yang menyelubong seluroh tubuh-nya. Chuma kepala-nya sahaja yang terdedah. Dia memakai topi hutan-nya. Mata-nya terbuka melihat ke-hadapan, senantiasa ke-hadapan. Tidak ada musuh.

Tiba2 halalintar berbunyi dengan amat kuat-nya, Saperti sa-orang dewa2 marah laku-nya. Di-hadapan hutan itu samar2 dalam hujan. Pokok yang besar2 macham gergasi sahaja. Busot2 macham badak sumbu. Mat sudah biasa sangat dengan benda2 ini. Dia sudah tidak merasa takut lagi.

Sejok. Bukan main sejok. Dia hendakkan selimut yang memanaskan. Dia teringat Timah. Ah badan Timah panas, menyedapkan seperti ubat sahaja. Bila dia teringat akan Timah, dia menggertakkan giginya. Dia teringat masa mak saudara Timah berchertakan kapada-nya akan bagaimana Timah di-larikan oleh suami-nya sendiri.

"Siapa mereka itu? Dan mana mereka pergi? Katakan." Dia teringat diri-nya berkata begitu kapada mak saudara Timah. Dia marah. Chakap-nya sudah tidak bertimbang lagi. Kasar sahaja. Tetapi orang tua itu tenang sahaja. Dia tahu orang muda berdarah muda.

"Aku-pun tidak tahu semua-nya. Aku tidak kenal semua orang? berempat itu. Aku chuma kenal suami si Timah itu. Dan aku tahu nama yang sa-orang lagi. Dia juga saorang ashkar. Aku dengar suami si Timah memanggil nama-nya "Bang Din!" Yang lain aku tidak kenal."

Darah mat tersirap pada masa itu. "Ada-kah dia memakai uniform?"

"Ya dia pakai baju ashkar."

"Ada chalit pada baju-nya" Mat menunjukkan chalit itu."

"Ya. Ada. Dua."

Ini membuat hati Mat berdebar2. "Bila perkara ini berlaku?"

"Malam engkau balek itu. Timah ada terkenang kapada aku. Aku-pun baharu balek daripada menziarahi orang sakit."

"Malam aku menjadi sentry itu." Mat berfikir "Ya malam itu, Corporal Din sengaja menyuruh aku menjadi sentry supaya mereka boleh menjalankan rancangan mereka. Chelaka!"

Dia berpaling kepada orang tua itu, "Apa lagi?"

"Tidak ada-lah apa2 lagi" Mak saudara Timah itu berkata. "Chuma aku mahu berkata susah bagi mu hendak mendapatkan Timah daripada rumah suami-nya. Mereka tentu menjaga. Dan mungkin mereka mengurongkan dia."

Lama juga Mat termenung memikirkan hal itu dalam bilek-nya. Bila Hussein dan Razak datang, dia mula2 hendak memberi tahu mereka akan hal itu. Tetapi dia membuat keputusan lebih baik dia mengajak mereka keluar dulu.

"Kau ini dari mana?" Mat bertanya.

"Dari mana lagi? Selepas keluar hutan." Hussein berkata.

"Kami tidak ada mata ayer." Razak berkata.

Mat diam. Dia membuat keputusan akan mengajak mereka besok. Di-luar baharu dia hendak bercerita. Dia bersiap hendak tidur. Hussein dan Razak sedang berkelakar di antara satu sama lain akan perkara yang mereka baharu lakukan tadi. Tidak tahu-lah Mat apa perkara-nya.

Pagi esok, Mat mengajak mereka keluar. Mereka pergi bersiar2 di-bandar. Mat mengajak mereka pergi ke-taman bunga. Mereka dudok di-atas kerusi di-situ. Mat melihat keliling. Tidak ada sesiapa.

"Aku panggil kau kedua ini kerana aku ada perkara yang mustabak. Aku mahu beri tahu kau di-sini." Mat berkata.

Hussein dan Razak ternampak dari muka bahawa dia berada di-dalam ke-adaan sedeh. Mereka kedua membongkok supaya kepala mereka rapat kepada Mat.

"Dia telah di-larikan oleh mereka."

"Siapa dia?" Razak bertanya.

"Timah—kah" Hussein berkata kepada Razak.

"Ya Timah telah di-larikan oleh mereka." Mat berkata.

"Dan siapa-kah mereka itu?" Razak bertanya.

"Suami-nya dan kawan2 suami-nya." Mat berkata.

Hussein terdiam sekejap. Ini bukan suatu perkara senang.

"Apa yang boleh kita buat sekarang?" Dia bertanya.

"Aku sendiri tidak tahu. Aku hendak bertanya fikiran kau kedua. Aku betul berkehendak fikiran dan pertolongan kau kedua." Mat berkata. "Chuma aku mahu memberi tahu kau suatu perkara. Ada seorang ashkar juga yang telah bersama2 melarikan dia. Kita semua kenal akan dia."

"Siapa dia?"

"Corporal Din." Mat berkata.

Hussein dan Razak terdiam mendengar kata Mat itu.

"Aku sudah dengar bahawa dia itu ada berkait dengan suami si-Timah itu." Razak berkata.

"Ah sekarang baharu-lah aku tahu mengapa dia memandang2 ke-hala aku dua tiga hari ke-belakangan ini semasa kita dalam hutan." Mat berkata.

"Apa yang hendak kita buat sekarang?" Hussein berkata.

"Aku tahu bahawa aku ini hendak membawa kau kedua masuk dalam perkara yang tidak ada sangkut paut pada-mu. Tetapi aku begitu kaseh pada dia. Dan aku tidak ada sahabat melainkan kau kedua." Mat berkata dengan sayu. Mata-nya merah macham hendak menangis.

Hussein dan Razak diam. "Kita tengok dulu apa yang boleh kita buat." Hussein berkata. "Sekarang kita tahu lebeh kurang siapa yang melarikan dia. Sekarang kita mahu tahu di-mana dia berada."

"Ya." Razak berkata.

"Kau sudah memang tidak boleh menanya. Nanti di-pukul orang. Tetapi aku boleh. Biar aku menyiasat. Aku tahu-lah apa yang mesti aku perbuat." Hussein berkata.

Mat berlinang ayer mata-nya. "Walau macham mana-pun terjadi, aku tidak akan melupakan bahawa kau kedua telah datang menolong aku semasa aku sudah tidak ada tempat hendak mengadu ini."

"Sudah-lah itu." Hussein berkata." Chuma ingat. Jangan beri Corporal Din tahu bahawa kau tahu dia juga bersama2 melarikan Timah itu. Nanti kau berkelahi dengan dia."

Mat mengangguk. Mereka balek ke-tempat mereka. Malam itu mereka keluar. Dia tinggal dalam bilek-nya. Hujan malam itu Lebat. Mat terasa dirinya ke-saorangan. Dia choba memikirkan bagaimana rasa Timah terkurong dalam rumah suami-nya itu atau di-mana2-lah dia berada.

Hujan makin lebat semula, Mat melihat2 ke-hadapan. Tidak ada apa2. Muka Corporal Din terbayang di-hadapan mata-nya. Dia meludah. Dia benchi betul akan Corporal itu. Kebenchtikan yang sekian lama

terpendam dalam hati-nya naik menyala semula dengan lebih kuat lagi. Dulu dia memukul Mat dengan tidak pereksa lagi dengan amat sombong-nya. Sekarang dia sedang hendak menghancurkan segala peluang bagi Mat untuk mendapat bahagia. Dia yang membuat supaya Mat menjadi sentry pada malam itu supaya mereka boleh melarikan Timah. Tetapi dia bersaudara kepada suami Timah dan bukan-kah kewajipan bagi-nya menolong saudara-nya untuk menutupkan malu-nya. Tetapi apa-kah ini semua pada Mat. Yang penting bagi-nya dia chintakan Timah dan sekarang di-larikan orang dengan pertolongan Corporal Din.

Bagaimana kita ada seorang musuh ketat yang kita benchi, begitu juga kita ada sahabat rapat yang kita kaseh. Ya Hussein dan Razak kedua2-nya sahabat yang setia. Tidak ada tolok banding-nya.

Hussein telah pergi bersama2 Razak ke-rumah suami Timah. Mereka berkata bahawa mereka saudara kepada Timah. Tetapi kedua2 Timah dan suami-nya sudah tidak ada disana. Mereka telah balek ke-kampung. Begitu-lah mengikut kata jiran mereka. Hussein telah mendapat tahu kampung mana mereka telah pergi itu.

Kedua Razak dan Hussein telah pergi ke-kampung itu. Mereka bernasib baik telah dapat berjumpa dengan suami Timah. Hussein mencheritakan semua-nya kepada Mat.

Mereka telah pergi minum pada sebuah kedai kopi China. Sambil mereka minum itu suami Timah itu berkata.

"Apa yang saudara2 mahu daripada saya." Chakap-nya itu tidak kasar dan tidak juga lembut. "Saya tahu semua saudara2, isteri saya, dan saya tidak pernah berjumpa saudara2 kedua."

Hussein memandang kepada Razak. Dia berpaling kepada suami Timah itu. "Saya fikir baik-lah saya berterus terang. Tidak guna kita chakap berbelit2, Saya dan kawan saya datang untok choba menjernehhkan ayer yang keroh. Kami ini bukan datang sebagai musuh atau hendak bergadob. Di-hadapan rezeki ini saya berkata."

Suami Timah itu diam mendengar kata Hussein itu. Hussein memang pandai berkata2.

"Saya kata dalam semua perkara baik-lah kita menchari jalan keluar sehingga semua yang bersangkutan puas hati." Hussein berkata lagi.

"Ya. Saya setuju. Tetapi atas perkara apa yang saudara kedua datang ini?" Suami Timah bertanya.

"Kami datang ini atas perkara saudara dan isteri saudara." Hussein berkata.

Suami Timah nampak tersentak. Nampaknya dia tidak suka berbinchang atas perkara itu.

"Itu saya punya tanggung jawab dan saya tidak mahu orang lain champur tangan." Suami Timah itu berkata. Dia hendak bangun.

"Sabar dulu." Hussein berkata. "Kami bukan hendak champur tangan. Kami mahu perkara itu di-selesai dengan baik dan semua orang puas hati. Tolong dudok dulu dan kita kajikan perkara ini. Moga2 kita dapat jalan keluar. Kalau saudara tidak setuju. Tidak mengapa, tetapi choba kita binchangkan dulu.

"Kami mahu dengar apa saudara kata." Razak berkata.

Suami Timah itu terdiam. Dia dudok semula.

“Apa yang saya hendak katakan pendek sahaja. Isteri saya telah lari keluar dari rumah saya. Lepas itu saya dapat tahu orang itu ada perhubungan dengan dia. Saya dapat membawa balik isteri saya ke rumah. Sekarang isteri saya ada dalam rumah. Dia nampak macham orang gila. Sudah tidak berketentuan. Beberapa bomoh telah saya panggil. Kata mereka dia kena ubat oleh orang. Saya berusaha menyembuhkan sakit-nya. Chukop-lah azab saya. Sekarang pergi-lah kepada sahabat saudara itu dan minta-lah dia jangan mengachau kami lagi. Itu-lah kata saya. Nanti kalau tidak saya pula menchari orang membalas.” Suami Timah itu berkata.

“Tetapi apa betul-kah isteri saudara itu sudah tidak mahu tinggal dengan saudara. Mungkin dia chintakan orang lain.” Hussein berkata.

“Saya kata dia sekarang sudah tidak betul akal-nya. Di-buat orang itu-lah. Sebab itu jadi begini.” Suami Timah itu berkata.

“Sahabat saya itu minta2 benar kepada saudara kalau boleh-lah saudara agak kasehan kepada-nya kalau boleh-lah saudara lepaskan isteri saudara itu supaya boleh pula dia mendapat peluang menchari ke-bahagian dengan dia.”

“Suami Timah itu menggelengkan kapala-nya.

“Kalau saudara mahu dia sanggup membayar ganti rugi seberapa banyak yang patut.” Razak berkata.

“Saya tidak akan mencheraikan isteri saya itu walau di-beri berapa ribu ringgit-pun. Saya tidak akan lepaskan dia. Itu-lah sahaja.” Dia berkata perlahan. Mata-nya tidak memandang ke-muka Hussein.

“Tolong-lah. Kami mahu selesaikan perkara ini dengan baik.” Razak berkata.

Suami Timah itu memandang kepada mereka kedua. Dia sekarang sudah nampak marah.

“Saudara kedua ini bukan musuh saya. Saya tidak ada pergaduhan dengan saudara kedua. Tetapi baik atau jahat saya boleh terima. Saya tidak takut. Saya tidak mahu berchakap tentang perkara ini lagi. Saudara2 telah berkata apa yang ada dalam dada saudara dan saya pula telah membenteng isi hati saya. Itu-lah sahaja.” Suami Timah itu menghabiskan chakap-nya.

Hussein bangkit lalu berjabat tangan dengan-nya. Razak juga berjabat tangan dengan-nya. Mereka keluar dari kedai itu. Dua tiga pemuda telah bertanya kepada suami Timah itu dengan mata mereka jika ada apa2. Hussein nampak mereka menjeling kepada-nya Tetapi dia dan Razak terus mengambil taxi lalu balek.

Mat choba memberi mereka wang tambang yang mereka belanjakan. Mereka tidak mahu menerima-nya.

“Kalau kau tanya aku, aku fikir aku tahu sedikit sebanyak mengapa perkara ini terjadi.” Hussein berkata.

“Apa dia?” Mat bertanya.

Mereka di canteen..

“Aku sbak bahawa suami Timah itu mati puchok. Sebab itu-lah Timah menjadi begitu. Sekarang dia tahu Timah hendak akan kau. Ini membuat dia marah. Dia tidak mahu memberi Timah mendapat ke-bahagian. Hati-nya jahat.” Hussein berkata.

"Apa yang boleh kita buat sekarang." Mat berkata.

"Tidak tahu-lah aku." Razak berkata.

Mereka diam. Hussein tiba2 berkata.

"Kita choba berchakap dengan Corporal Din. Kalau2 dia itu mahu menolong kita."

Mat tidak sedap hendak meminta tolong Corporal Din. Lagi pula Corporal Din yang mengambil bahagian melarikan Timah dulu. Bagaimana pula dia hendak menolong-nya sekarang. Dia benchi akan Corporal itu dan dia tahu bahawa Corporal itu benchi akan dia. Tetapi dia tidak menahan Hussein dan Razak pergi menemui Corporal itu. Dia pergi balek ke-bilek-nya.

Tidak berapa lama selepas itu, Hussein dan Razak datang menchari dia. Hussein berkata bahawa Corporal Din hendak berchakap dengan dia. Mat hairan juga Corporal itu hendak berchakap dengan-nya. Mungkin Corporal itu sekarang hendak choba menolong-nya. Barankali oleh kerana senantiasa bersama2 masuk hutan dan menentang maut, dia berasa dia patut menolong Mat. Dengan fikiran begini, Mat pergi bersama2 Hussein dan Razak. Apabila dia terpandang Corporal itu, dia-pun pergi kepada-nya. Mereka pergi ka-canteen. Tidak ada orang di-sana pada masa itu, Hussein dan Razak pergi. Corporal itu hendak berjumpa dengan dia seorang sahaja.

"Hussein sudah berkata kepada kau apa yang hendak kita binchankan?" Corporal itu berkata sambil memberi ishaiah kepada Mat supaya duduk.

"Dia tidak berkata apa2." Mat berkata.

"Sekarang katakan apa yang hendak kau katakan. Aku mahu dengar." Corporal itu berkata.

Mat serba salah. Dia fikir Corporal itu hendak menyelesaikan perkara ini. Sekarang dia di-suruh memperkatakan apa yang hendak di-katakan oleh-nya.

"Hussein ada mengatakan bahawa kau mahu kalau perkara ini dapat di-selesaikan dengan baik. Macam mana gaya-nya?" Corporal itu berkata lagi apabila Mat diam sahaja.

"Aku dengar kau mahu Timah itu di-che-raikan oleh suami-nya. Lepas itu kau mahu kahwin dengan dia?". Betul?"

Mat mengangguk.

"Kau fikir Timah itu chintakan kau?"

"Saya ..."

"Aku kata dia gila." Corporal itu berkata "Kau bukan laki2 pertama yang membuat perhubungan dengan dia. Dan ini bukan pertama kali dia lari dan dia di-bawa balek."

"Tetapi ..."

"Dia hendak kahwin dengan berapa orang laki2 aku tidak tahu. Aku memberi kau tahu kerana aku mahu kau jangan ingatkan dia lagi. Pergi-lah buat macham Hussein dan Razak itu. Jangan-lah hendak mengachau rumah tangga orang atau hendak kahwin dengan bini orang."

Mat meradang kepada Corporal itu berchakap begitu dengan dia. Dan dia lagi marah apabila dia mengatakan bahawa Timah gila. Dia memandang muka Corporal itu dengan marah. Dia hendak berkata sesuatu. Tetapi dia memutuskan lebeh baik diam. Dia pergi dari situ dengan tidak berkata sepatah-pun. Corporal itu memandang dia pergi.

Hussein bertanya kepada-nya bagaimana perjumpaan-nya dengan Corporal itu. Mat menggeleng2kan kapala-nya. Dia-pun mencheritakan kepada Hussein apa yang terjadi.

“Tetapi dia mengatakan dia hendak menolong kau.” Hussein berkata dengan marah.

“Sudah-lah.” Mat berkata, “Aku berterima kasih kepada kau dan Razak.

Ya. Betul Corporal Din itu sekarang menjadi tumpuan benchi-nya. Dia betul2 benchi akan Corporal itu. Dia telah mengatakan bahawa Timah gila dan sudah banyak kali lari dari rumah-nya. Mungkin betul suami-nya mati puchok, Mat menjadi tidak tentu hala fikiran-nya. Dia rasa marahkan Timah membuat dia begitu. Kalau betul-lah kata Corporal Din itu. Kalau betul, dia chuma menjadi perkakas kepada Timah.

Selepas perjumpaan-nya dengan Corporal itu, dia bertukar orang-nya. Mula2 dia dudok dalam camp sahaja. Tidak mahu keluar. Tetapi selepas beberapa hari, dia pergi bersama2 Hussein dan Razak. Dia pergi menari dengan perempuan2 joget. Dia menghilangkan runsing hati-nya dan kekechewaan jiwa-nya dengan irama music rumba dan twist dan goyang punggung puteri2 joget yang genit itu.

Telinga-nya mabok oleh pancharagam dan music dan mata-nya mabok oleh gerakan badan puteri2 joget yang memang tahu bagaimana hendak menggilakan laki2 dengan chara tarian mereka. Dia menari dengan mereka semua, Hasnah, Ensun, Hendon, Robiah, Asiah semua-nya. Dia minum sehingga mabok.

Lepas itu dia ingat Hussein mengajak dia keluar. Mereka pergi ke-rumah tempat biasa Hussein

pergi. Mat ingat muka yang penuh bedak dan bibir yang merah beginchu. Dia ingat bagaimana tubuh yang lembut telah di-geselkan dengan sengaja pada tubuhnya. Dia ingat tangan-nya yang nakal itu menchubit di-tempat yang tidak mesti di-chubit di-hadapan ramai. Tetapi chuma ada Hussein dan Razak. Perempuan itu marah. Dia tidak mahu di-buat begitu.

"Dia ini kasar." Dia berkata kepada Hussein tentang Mat.

"Dia sekarang tidak tentu fikiran-nya. Dia telah di-tinggalkan tunang-nya. Dia maseh marah akan perempuan." Hussein berkata. Hussein mengeayitkan mata-nya kepada perempuan itu. Ensun nama-nya.

Ensun mendengar itu memandang kepada Mat. Dia tersenyum. Sebenarnya dia tidak-lah begitu marah akan Mat. Kalau membuat apa yang di-buat-nya tadi bila mereka dalam bilek, dia akan diam sahaja. Mat memegang tangan-nya. Dia diam sahaja.

Mat teringat pintu bilek di-kunchikan dan dia bersaorang sahaja dengan Ensun. Dia ingat nampak tubuh Ensun yang hitam manis tidak di-tutupi oleh sehelai benang-pun. Dia menyentoh sana sini dan men-chubit2. Ensun tertawa kecil sahaja. Dia ingat mendakapi Ensun dan menaiki bahtera. Lepas itu dia ingat diri-nya menggeletar sampai kekemunchak-nya. Lepas itu dia nampak Ensun dalam ke-adaan sebenarnya, sa-orang perempuan yang kasar, terlampau banyak bedak dan ginchu dau agak tua, kalau tidak kerana umur kerana telah berapa lama berkechimpung dalam lembah pekerjaan yang mengkaratkan tubuh dan fikiran itu. Dia berasa hendak muntah. Dia tidak mahu memandang pun akan Ensun. Dia keluar dari bilek itu setelah memakai pakaian-nya.

Beberapa kali dia pergi ke-tempat itu. Selepas setiap kali, dia sudah makin hilang perasaan jelak-nya akan perempuan yang menjadi teman-nya dengan bayaran wang itu, Akhir-nya dia boleh tidur memelok perempuan itu. Dia sudah tidak menyifatkan mereka kotor apabila diri-nya sendiri sudah tidak boleh dikatakan bersih lagi. Dia sudah mula menyesuaikan diri-nya dengan ke-adaan begitu.

Hussein, Razak dan dia sekarang sudah tidak renggang lagi. Mereka bersama2 ke-mana sahaja. Dan mereka sedia pergi ke-mana sahaja. Kadang2 dengan tertawa mereka memanggil diri mereka Bujang Lapok.

Mat balek ke-kampung-nya. Kakak-nya telah melahirkan anak laki2 dan dia telah di-cheraikan oleh suami-nya. Ibu-nya sekarang termenung2 sahaja. Dia susah hati akan ke-adaan anak perempuan-nya itu dan dia menyuruh Mat kalau boleh berhenti menjadi askar dan tinggal di-kampung sahaja.

“Kau jaga-lah tanah yang sekeping dua itu. Aku ini sudah tua. Dan aku tidak tahu-lah apa yang jadi kepada kakak-mu dan anak-nya itu.”

Ibu-nya mengeluarkan ayer mata-nya. Mat teringat akan chara hidup-nya. Dia insaf. Dia membuat keputusan akan membetulkan chara hidup-nya.

“Bila saya dapat berhenti, saya akan berhenti.” Dia berkata kepada ibu-nya. Tetapi dia tidak mahu menyebutkan bahawa dia telah menanda tangani akan menjadi askar selama tujuh tahun. Tetapi walau bagaimanapun dia insaf akan ke-adaan hidup-nya begini. Dia akan mengkaratkan diri-nya.

Bila balek dalam camp, dia tidak keluar bersama2 Hussein dan Razak beberapa hari. Tetapi selepas itu, dia keluar lagi seperti dulu.

Pada suatu hari, dia terasa hendak pergi ke-rumah mak saudara Timah. Dia pergi ke-sana. Mak saudara Timah ada di-rumah.

"Ha ini dia-pun kau datang". Mak saudara Timah berkata. "Aku nanti2 akan ke-datangan-mu."

Mat dudok sambil perempuan tua itu menchari2 surat dalam bilek itu. Lepas itu dia menunjukkan kepada Mat sepucuk surat dalam envelope. Tidak ada alamat pada envelope itu.

"Aku telah pergi melihat Timah dulu. Dan dia memberi surat ini pada aku. Suroh berikan kepada kau.

"Timah." Mat berkata. "Bagaimana dia?"

"Kalau kau tenggok-pun sudah tentu kau tidak perchaya. Sekarang dia tinggal tulang dan kulit sahaja. Bukan main kurus. Susah hati budak itu. Kasehan dia. Dia menanya kepada aku kalau kau ada datang ke-sini. Dia berlinang ayer mata-nya."

Mat memasukkan surat itu dalam saku-nya. Selepas minum kopi dia balek ke-dalam camp. Malam itu masa orang lain semua sudah keluar, dia membuka sampul surat itu lalu membacha-nya. Lama juga dia membacha-nya. Dia meletakkan surat itu sambil termenung. Peluh menitek daripada dahi-nya walau-pun pada masa itu malam. Dia membacha balek surat itu.

15, hb Mei, 196

Ke-hadapan majlis kekanda Mat yang di-chintai.

Sudah lapan puluh tujuh sehingga hari ini, dinda telah di-paksa balek ke-rumah ini. Dan sekian lama belum lagi kanda membuat apa2 untok melepaskan dinda daripada nuraka dunia saperti janji kanda dulu. Dinda tidak mengerti mengapa. Tetapi dinda maseh berharap.

Selepas kita berjumpa pada kali akhir, pada petang-nya, suami saya dengan tiga orang lain telah datang. Suami saya mula2-nya telah meminta saya balek kapada-nya. Apabila saya tidak mahu, dia naik marah. Akhir-nya dia manarek saya. Saya meronta dan hendak menjerit. Pada masa itu, ketiga kawan2-nya datang menolong-nya. Mereka menutupkan mulut saya dan memasukkan saya ke-dalam kereta mereka. Mak saudara saya tidak berdaya membuat apa2.

Setelah sampai ke-rumah suami saya, yang di-kampung dan bukan di-bandar, saya di-kurongkan dalam bilek. Saya telah meraung2 hendak lepas. Suami saya membawa bomoh untok choba membuat saya lupa akan kanda dan kaseh akan dia balek. Tetapi manakan boleh.

Dinda benchikan suami dinda itu. Dinda meminta cherai. Dia tidak mahu memberi.

Ada saorang saudara suami dinda yang bernama Corporal Din. Dia menolong suami dinda melarikan dinda itu. Apabila suami dinda tidak ada di-rumah, dia-lah yang menjaga dinda ini beberapa hari dulu apabila dia balek berchuti.

Dari mula dulu, dinda, sangat takut akan dia. Kerana chara dia menenong dinda itu sangat dahshat. Adinda merasa macham dia hendak memakan dinda. Bulu ruma dinda seram. Mata-nya merenong segala tempat tubuh dinda. Bila dinda bersorang dengan dia, dinda bukan main takut. Kalau kain sarung dinda terselak tinggi sedikit, chepat2 dinda jatohkan kerana dia sudah tentu akan merenongkan betis, dinda yang terdedah itu.

Pada sesuatu hari, dinda dengan dia berdua sahaja kerana suami dinda lambat balek. Dinda mesti cheritakan bahawa suami dinda telah tidak menyentoh dinda semenjak beberapa lama dulu sebelum kami begini. Dinda dengar khabar, dia telah terjatoh semasa berkerja dan selepas itu dia tidak lagi dapat atau mahu menyentoh dinda. Dinda yakin dia telah mati puchuk sa-perti kata2 mereka.

Ini membuat kawan2-nya yang tahu akan hal ini selalu choba mengusok dinda. Ini-lah permulaan pergaduhan kami sehingga kami sehingga hendak ber-cherai itu. Dinda telah pergi juga sakali dua mengikut sahabat2-nya. Tetapi dia menurut dinda. Dan membawa dinda balek.

Dari semenjak mula dinda dengan Corporal Din itu berdua sahaja, dinda bukan main takut. Dinda menyiapkan makan malam. Dia mengajak dinda makan bersama2-nya. Dinda tidur dalam bilek. Tiba2, dia datang masuk bilek itu. Bila dinda sedar dia telah baring dekat dinda. Dia memegang dinda dan dengan paksa melakukan segala yang di-lakukan oleh laki kepada perempuan. Dinda tidak berdaya mempertahankan diri dinda.

Dinda menangis sa-orang diri. Dinda tidak tahan hidup begini.

Kanda, datang-lah dan bawa dinda lari lepas daripada semua ini. Kanda sudah berjanji. Kita pergi ke-tempat yang kanda katakan itu dan hidup berdua sahaja.

Kanda sahaja-lah harapan dinda.

Dengan segala kasih sayang.

Dinda,

Timah.

Mat tidak tahu apa yang hendak di-buat-nya sekarang. Tetapi dia tahu bahawa dia mesti bertenang. Dia misti berhadapan dengan Corporal Din dan menuntut membayar hutang-nya. Dia membuat keputusan untuk bertenang dan menchari masa untuk berhadapan satu sama satu dengan dia.

Dan dia mesti pergi merampas balek Timah. Hussein dan Razak akan menolong dia.

Pagi esok-nya, dia dapat tahu, mereka semua mesti pergi masuk hutan kerana memburu sekumpulan penjahat?. Tidak sempat bagi-nya untuk membuat apa?. Dia boleh menanti.

Hujan sudah segak reda, Mat boleh nampak semua pokok2 dengan terang. Sekarang dia berasa amat sejok. Teman-nya yang berjaga itu dudok jauh sedikit daripada dia. Dia dudok memandang ke-hadapan sahaja. Mereka tidak berkata apa2.

Sekejap lagi, Mat terdengar bunyi orang datang dari belakang. Orang itu berjalan berpandukan sebagai penunjuk jalan daripada kemah mereka. Tidak lama orang itu-pun dekat. Mat memandang kepada orang itu Dan dia meludah. Corporal Din.

Corporal Din dudok beberapa ketika di-sebelahnya. Dia memandang ke-hadapan. Dia tidak berkata apa2. Mat berasa macham hendak menikam dia dengan bayonet pada masa itu juga. Tetapi tidak boleh. Mesti bertenang. Timah ada. Dia mesti membawa Timah lari.

Sekejap lagi Corporal Din pergi balek. Dia datang untok menentukan bahawa sentry2 semua menjaga dengan tidak tidur2. Dia pergi balek.

Pagi esok-nya, section Mat pergi lagi meronda Saperti biasa, mereka berjalan perlahan2 dalam hutan itu masing2 memikul beban yang berat2 saperti peluru, senjata, makanan, baju hujan dan segala keperluan. Mereka naik bukit. Mereka menyeberang sungai.

Pada pukul sebelas setengah mereka berehat dan makan tengah hari, sambil makan, Mat memekirkan surat Timah itu. Sudah lama di-tuliskan. Sekurang2-nya sebelum. Dia menyumpahkan diri-nya kerana tidak pergi ke-rumah Mak saudara Timah dulu lagi.

Corporal Din sedang bersama Hassan Lance Corporal section itu. Mereka sedang berchakap2. Di-hadapan mereka sebuah peta. Mereka berchakap itu bukan main beria2 sekali. Musoh ada dalam kawasan itu. Tugas mereka untok menchari tanda2 kalau2 musoh datang atau melalui di-situ.

Mat makan terus. Itu mereka punya kerja untok merusingkan hal musoh. Bagi dia, dia mahu kekal hidup. Itu sahaja. Dia mahu jumpa Timah. Dia mahu balek kampong. Ya, tanah ada sekeping dua. Timah boleh pergi ke-sana. Dia terpandang muka Hussain. Hussein. Terseyum. Mereka tidak boleh berchakap. Bising.

Lepas makan, mereka berjalan lagi. Jauh juga. Hari sudah agak petang. Mereka semua sudah leteh. Mereka semua sedang memikirkan bagaimana lazatnya nanti duduk bersandar pada mana? pangkal pokok.

Tetapi sekarang mereka melalui tempat lembah. Tanah di-situ berayer. Di-hadapan mereka sekarang suatu tempat lapang. Macham padang tengah2 hutan itu. Kiri kanan tanah tinggi. Paya2 di situ. Rumpun dan pokok2 paku dan keladi hutan kira2 dua kaki tinggi sahaja. Bukan main sedap berada di-tempat terang setelah berbatu berjalan dalam gelap hutan.

Orang di-hadapan sudah melangkah masuk ke-padang itu. Mat berada di-bilangan yang kedua dari belakang berhampiran dengan pembawa bren gun. Dari tempat dia, dia berasa sesuatu yang tidak sedap pada diri-nya. Dia tidak tahu bagaimana dia hendak menerangkannya. Tetapi dia berasa tidak sedap.

Yang menghairankan dia, mengapa tidak ada bunyi burung2 dan binatang2 lain. Senyap sunyi sahaja. Yang kedengaran cuma bunyi kaki-nya dalam kasut hutan-nya itu. Dia lihat Razak menoleh kapada-nya. Dari muka-nya juga Mat dapat membaca perasaan tidak sedap hati. Terlampau senyap. Mereka kedua berhenti berjalan. Lance Corporal Hassan terlanggar akan dia.

Semua yang di-hadapan telah masuk ke-tempat lapang itu. Sekarang sudah pukul empat petang Razak juga sekarang sudah masuk ke-tempat lapang itu. Tiba2 Mat melihat Razak menggeliat tubuh-nya. Ada keiumpuk merah pada tubuh-nya, dua tiga. Dan juga pada masa itu, macham berteh bunyi tembakan senapang dan senjata automatic. Peluru menghujan ke-hala ashkar2 yang berada dalam tempat lapang itu.

Mat dengan serta merta merebahkan diri-nya. Tembakan terus kedengaran. Mula2 Mat mendiamkan diri. Lepas itu dia merangkak masuk ke-dalam pokok2 hutan itu. Lepas itu dia memandang ke-hala tempat lapang itu. Semua ashkar2 telah menirap. Ada yang menirap tidak akan bangkit lagi. Ada satu dua yang sempat merangkak masuk ke-dalam hutan balek. Tembakan sudah berhenti, di-atas suatu tiupan whistle. Ada pergerakan dekat Mat. Dia nampak Lance Corporal Hassan di-sisi-nya. Lance Corporal itu mengheret bren gun Pazak tadi.

Dari tempat mereka, mereka terpandang dua tiga penjahat2 yang memakai uniform mara perlahan2 menuju ke-mayat2 ashkar2 yang mati dalam tembakan pertama tadi. Lance Corporal itu menchuitkan Mat. Mat menenang dengan senapang-nya sambil Lance Corporal itu menenang dengan bren gun itu. Sekejap lagi nampak terang dua tiga penjahat2 itu mara ke-hadapan.

Tiba2 bren gun itu mengaum dengan nyaring-nya. Mat menembak dengan senapang-nya. Dua penjahat itu, rebah di-situ juga. Yang lagi satu dapat merangkak lalu hilang kembali.

Pada masa itu juga, tembakkan balas kedengaran, tembakan dari senapang dan senjata automatic. Pada masa itu Mat dan Lance Corporal yang berada di-tepi tempat lapang itu telah menjunamkan muka masing2 rendah. Peluru2 itu hilang sia2 masuk dalam hutan itu.

Bila mereka memandang ke-hadapan lagi selepas tembakan itu berhenti, dua penjahat yang jatuh itu juga telah tidak ada lagi. Mungkin telah di-bawa lari oleh teman2 mereka pada masa tembakan tadi.

Mereka menanti lagi jika musuh itu akan mara. - Mereka tidak takut akan musuh datang dari belakang, kerana mustabil hendak bergerak dalam butan itu. Musuh chuma boleh datang dari hadapan sahaja. Asalkan mereka ada peluru, mereka boleh bertahan di-situ.

Ada pergerakan di-kiri mereka. Mat berpusing sambil sedia hendak menembak. Corporal Din merangkak menuju dia. Dia tidak cedera. Dia bernasib baik. Mat hairan mengapa selalu yang jahat itu yang lepas daripada tangkapan maut dalam keadaan begini.

Lama juga tidak ada tembakan dari musuh. Mungkin musuh itu itu tidak mahu membahayakan orang2-nya daripada tembakan ashkar2 yang maseh hidup itu. Mereka tidak mahu orang2 mereka gugor semata2 untok menghabiskan saki baki ashkar2 itu. Atau-pun kerana hendak merampas senjata daripada ashkar2 yang mati itu. Mungkin mereka sudah berundur. Dan membawa teman2 mereka yang luka itu.

Dan sekarang ashkar2 itu sudah tahu bahawa musuh ada di-situ. Mereka mungkin membawa bantuan2 yang ramai untok mengepong mereka. Dan kerana itu mereka berundur.

Sebab itu diam sahaja. Lama, Mat, Corporal Din dan Lance Corporal Hassan menanti2 serangan musuh. Akhir-nya mereka mara ke-hadapan. Tidak ada tembakan musuh lagi. Lance Corporal Hassan berdiri. Tidak ada tembakan. Dia mara ke-hala tempat musuh sambil Corporal Din dan Mat siap untok menembak musuh, jika mereka menembak. Lama juga baharu Lance Corporal Hassan sampai ke-tempat musuh. Dia mara sekejap. Sekejap lagi dia berlutut. Sekejap lagi dia mara.

Akhir-nya dia sampai ke-tempat musuh. Musuh sudah tidak ada.

Mereka memeriksa ke-adaan. Dari semua ashkar2 itu, lima mati termasuk Hussein dan Razak dan tiga cedera parah. Tiga yang masih hidup tidak ada apa2 cedera.

Mereka memberi pertolongan cemas kepada yang luka itu.

"Kita nanti di-tini. Yang luka itu tidak bergerak atau di-angkat. Kita mesti minta helicopter. Kita bertiga sahaja. Kalau sampai petang ini kita balek-lah, Sergeant Yazid mesti tahu sesuatu telah terjadi. Dia akan menghantar bantuan atau dia sendiri datang. Dan lagi aku yakin bahawa mereka sudah tentu mendengar bunyi tembakan ini."

Lepas itu mereka pergi membawa mayat2 yang mati itu lalu di-susun di-tempat yang kering. Lance Corporal Hassan menjadi sentry sambil Mat dan Corporal Din mengangkat mayat2 itu. Mat mengangkat mayat2 itu. Mat mengangkat mayat2 itu dengan cemas. Dia mensifatkan mayat2 itu sebagai sahabat-2nya yang masih hidup dan di-hormati. Tetapi Corporal Din mengheret sahaja mayat2 itu. Mat marah.

Corporal Din mengheret mayat Hussein. Dia meletakkan mayat itu di-sebelah mayat Razak.

"Ini kawan-mu, bukan?" Dia bertanyakan kepada Mat, mata-nya merenong mata Mat.

“Ya. Sudah tentu. Mengapa kau tanya?”
Mat berkata.

“Aku sahaja menanya.” Corporal itu berkata.
Dia berpaling hendak pergi.

Mat menoleh melihat Lance Corporal Hassan. Dia jauh berdiri di-sebelah sana.

“Aku sudah lama hendak berchakap dengan kau, sama sa-orang sahaja. Sekarang sudah tiba masa-nya.”

Corporal Din memandang kapada-nya. Dia berdiri dengan angkuh.

“Apa kau mahu? Apa hajat-mu?”

“Aku mahu tahu apa yang terjadi pada Timah? Apa yang sebenar-nya terjadi.”

Corporal Din tersentak juga mendengar kata Mat itu.

“Apa yang kau tahu?”

“Aku mahu tahu apa yang telah terjadi.”

“Oh, dia telah meninggal dunia. Aku dengar dia jatuh dari atas rumah-nya.

Mat terkejut mendengar kata Corporal Din. Dia bersedia mendengar kata2 lain. Tetapi dia tidak sangka mendengar kata, bahawa Timah sudah mati. Dunia pada masa itu berpusing2 bagi-nya.

“Kau yang membunuh-nya. Aku tidak per-

chaya dia mati. Aku tahu banyak perkara yang kau fikir aku tidak tahu."

Mereka berchakap perlahan2.

"Sebagai" Corporal, Corporal Din maseh garang.

"Kau telah memaksa diri kau berbuat jahat pada-nya. Aku ada surat-nya disini. Aku sudah tentu akan memberi laporan kepada pihak polis. Aku bukan tidak tahu apa yang kau buat ke-atas-nya, bila suami-nya tidak ada di-rumah."

"Siapa yang akan perchaya kepada kau?"

"Patut-lah kau membantu suami-nya melarikan dia. Aku fikir kerana suami-nya saudara-kau, kau bantu. Rupa-nya kerana hawa nafsu ke-binatangan-mu, kau berpura2 membantu, kau betul2 binatang."

"Cheh, kau yang hendak isteri orang, hendak berchakap begitu dengan aku."

"Aku akan berikan surat ini kepada suami-nya supaya dia mengambil tindakan. Dia sudah tentu mengambil tindakan."

"Berikan surat itu kepada aku."

Mat pergi ketempat lain sa-olah2 tidak mendengar kata Corporal Din itu. Corporal Din menerkam-nya lalu menarek baju-nya sehingga dia terhenti.

"Aku kata berikan surat itu kepada aku." Dia berkata dengan bengis.

"Fasal apa pula aku mesti beri pada kau. Lepaskan aku." Mat menolak Corporal Din sehingga jatuh.

Corporal Din terus bangun lalu menumbuk Mat. Mereka pun sama tumbuk menumbuk. Corporal Din lebih besar daripada Mat. Tetapi pergerakannya lembab sedikit. Dia hendak memelok Mat dan terus menchekek-nya. Mat menumbuk2 dia sahaja. Mat lari, dia menerkam.

Akhir-nya dia dapat memegang tengkok Mat lalu menchekek-nya.

Mat pernah belajar silat daripada Tok Guru di-kampung-nya. Dia salah sa-orang penuntut yang chekap. Bagi-nya melepaskan diri dari chekekan Corporal Din itu sangat senang. Kedua tangan-nya memegang kedua jari kelingking Corporal Din lalu mematahkan-nya. Corporal Din menjerit sambil melepaskan tengkok Mat. Mat menendang-nya dengan lutut-nya dan Corporal Din terjatoh.

Mat memandang dia kalau2 dia hendak melawan lagi. Corporal Din tidak bergerak dari tempat rebah-nya. Mat-pun berpaling lalu hendak pergi dari situ.

Tetapi dia tidak tahu bahawa Corporal Din menchapai sten-gun-nya lalu menolak safety catch untuk menembak. Mat terdengar bunyi itu lalu berpaling. Pada masa itu Corporal Din menembak lagi dengan sten-gun-nya. Peluru sten-gun itu menghujan menuju Mat.

Mat membuka mata-nya terbeliak memandang Corporal Din. Kemudian dia jatuh tidak bergerak lagi.

Pada masa itu juga ada tembakan dari tempat lain pula menuju Corporal Din. Dia rebah di-tempat-nya juga.

Lance Corporal Hassan mara. Dia terkejut bila melihat, bahawa dia telah menembak Corporal Din. Dia memikirkan bahawa Corporal Din penjahat menembak Mat. Dia telah menembak-nya, dan dia berpaling melihat Mat, Mat juga terbaring. Dia memeriksa nadi Corporal Din. Dia maseh hidup. Tetapi dia tidak akan tahan lama. Dia merasa nadi Mat pula dan di-dapati-nya Mat sudah mati.

Lance Corporal Hassan tidak tahu menahu akan permusohan yang memang sudah ada terpendam di-antara Corporal Din dan Mat. Dia tidak tahu apa yang terjadi sebelum-nya. Dia tidak tahu akan ada-nya sa-orang perempuan yang teraniaya, yang bernama Timah.

Dia berkata pada diri-nya, bahawa kedua-nya hilang akal kerana melihat kawan2 mereka mati begitu. Dia akan dudok di-situ menanti bantuan. Apa-kah yang hendak di-cheritakan oleh-nya dalam laporan-nya.

Kedua, yang luka parah itu tidak tahu akan apa yang terjadi. Mereka itu boleh jadi hidop, boleh jadi mati.

Lance Corporal Hassan berkata pada diri-nya, "Aku akan melaporkan tujuh orang mati dan dua orang luka parah."

Dia pergi ka-pada Corporal Din. Dada-nya berlumoran darah. Dia merasa nadi Corporal itu. Dia sudah mati.

T A M M A T

HARON YUSOF